



SEPTEMBER 1-15, 2019



PERCUMA

BULETIN MUTIARA

www.buletinmutiara.com [Facebook](#) [Instagram](#) [Twitter](#) @ChowKonYeow

Projek LRT Bayan Lepas: pemeriksaan awam dibuka 3 bulan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN - Pemeriksaan awam bagi projek Transit Aliran Ringan (LRT) Bayan Lepas dibuka di empat lokasi termasuk dekat Tingkat 3, Komtar sejak 19 Ogos 2019.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pemeriksaan awam sepanjang tempoh tiga bulan, mulai 19 Ogos hingga 19 November ini adalah bertujuan mempamerkan maklumat serta mengumpul maklum balas orang awam berhubung projek tersebut.

"Proses ini adalah wajib di bawah Seksyen 84 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 bagi membolehkan Pulau Pinang mendapat kelulusan akhir daripada pihak APAD (Agensi Pengangkutan Awam Darat) bagi Skim Kereta Api Projek LRT Bayan Lepas," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi dalam sidang media di sini 20 Ogos lalu.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman serta beberapa Exco Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang lain.

Selain Komtar, Kon Yeow memberitahu bahawa pemeriksaan awam berkaitan turut dibuka di pejabat agensi APAD di One Precinct, Bayan Baru; Ibu Pejabat APAD di Kuala Lumpur serta di kompleks Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dekat Bandar Perda, Seberang Jaya.

Tambah beliau, terdapat enam lokasi lain dikenal pasti untuk pemeriksaan awam secara bergerak (*mobile booth*), dua lokasi telah beroperasi iaitu di Tesco E-Gate dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA).

Menjawab soalan pemberita selepas itu, Kon Yeow mengalukan semua pihak termasuk badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang tidak setuju dengan projek tersebut untuk menyertai sesi pemeriksaan awam selama tempoh tiga bulan berkenaan.

"(Sesi Pemeriksaan Awam) ini adalah terbuka kepada semua orang awam, sama ada daripada sektor awam, sektor korporat, orang perseorangan, (penggerak) industri, NGO (badan bukan kerajaan)... semua orang dijemput hadir



UMUM diberi penerangan berhubung projek LRT Bayan Lepas di lokasi pemeriksaan awam Komtar.

untuk memberi pendapat mereka.

"Kerana, apabila projek ini dimulakan nanti, ia akan mengubah landskap bahagian pulau," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Dalam perkembangan lain, beliau turut menjelaskan mengenai perkembangan terbaru berhubung hasrat Kerajaan Negeri memohon RM10 bilion peruntukan Persekutuan bagi membayai kos awalan projek-projek pembangunan bercampur Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) termasuk skim kereta api LRT Bayan Lepas.

"Menteri Hal Ehwal Ekonomi (Datuk Seri Mohamed Azmin Ali) pun mengesahkan menerima salinan surat itu

(yang telah diserahkan) kepada Perdana Menteri (Tun Dr. Mahathir Mohamad) dan kepada Menteri Kewangan (Lim Guan Eng).

"Saya tidak mahu bertanya hasil (permohonan peruntukan Persekutuan RM10 bilion) itu sebab surat baru dihantar, tapi mengikut kelaziman sistem kewangan negara, projek-projek ini akan dipertimbangkan mengikut Rancangan Malaysia (yang direncana untuk tempoh) lima tahun."

"Sebab ini projek yang besar, andai kata Kerajaan Persekutuan bersetuju memberi peruntukan, ia akan dimasukkan dalam RMK-12 (Rancangan Malaysia Ke-12)," kata Kon Yeow yang juga Ahli Parlimen Tanjung.

Aidiladha dirai dengan penuh kesyukuran

DIRAI PENUH KESYUKURAN... Tanggal 11 Ogos 2019 bersamaan 10 Zulhijjah 1440, umat Islam di seluruh negara menyambut hari Raya Aidiladha dengan bertakbir sebelum menunaikan solat sunat yang kemudian diikuti dengan ibadah korban.

Di Pulau Pinang, Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas hadir ke Masjid Negeri bagi menunaikan solat sunat Aidiladha bersama-sama 4,000 jemaah.

Ketibaan beliau yang berbusana Melayu rona perak disambut oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri & Perhubungan Masyarakat serta Mufti Kerajaan Negeri, Dato' Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor.

Turut sama, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik; Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari serta beberapa pimpinan Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Usai solat sunat Aidiladha, Abdul Rahman sempat meluangkan masa bersalaman dengan jemaah yang hadir sambil diiringi dengan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW.

Difahamkan, sebanyak lapan ekor lembu dikorbankan untuk diagihkan kepada golongan asnaf dan fakir miskin sempena Program Ibadah Qurban anjuran jawatankuasa Masjid Negeri.

Di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pulau Betong, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)nya, Mohd. Tuah Ismail turun padang bagi menyempurnakan Majlis Gotong-Royong dan Kenduri Ibadah Korban yang diadakan di Masjid An-Nur, Titi Teras pada 12 Ogos lalu.

Uniknya, Mohd. Tuah bersama-sama anak Qaryah



DR. Abdul Rahman Abbas (tujuh dari kiri) bersama-sama barisan pimpinan Kerajaan Negeri dan Persekutuan merakam kenangan sejurus selesai solat sunat Aidiladha dekat Masjid Negeri baru-baru ini.

Kampung Titi Teras bergotong-royong ‘menumbangkan’ sembilan ekor lembu dan seekor kambing untuk diedarkan kepada peserta dan golongan asnaf serta dimasak bagi jamuan merarau dalam talam.

Di KADUN Teluk Bahang, Zolkifly Md. Lazim selaku ADUN turut turun padang mengagihkan daging korban kepada penduduk yang turut melibatkan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat. Antaranya, di Kampung Sungai Rusa, Kampung Teluk Awak dan Kampung Sungai Pinang.

Beberapa kawasan sekitar KADUN Bertam turut meriah dengan pelbagai program sempena Aidiladha. ADUN Bertam, Khalid Mehtab Mohd. Ishaq turut berkesempatan menyertai

dan menyempurnakan beberapa majlis korban yang diadakan pada 11 dan 12 Ogos lalu.

Tidak kurang meriahnya juga di Tanjung Tokong apabila seekor lembu ‘ditumbangkan’ di Surau Flat Uda Fasa 3. Zairil selaku ADUN Tanjung Bungah hadir mengimarahkan majlis ibadah korban bersama-sama penduduk setempat.

Begitu juga di Teluk Kumbar di bawah KADUN Bayan Lepas, apabila ADUNnya, Azrul Mahathir Aziz turut mengorbankan tiga ekor lembu untuk diagihkan kepada golongan asnaf di kawasan sekitar.

Malah, rata-rata penerima yang ditemui menzahirkan rasa syukur apabila rezeki ibadah korban turut dikongsi bersama.

Bulan Kemerdekaan satukan rakyat Malaysia di bawah payung Jalur Gemilang

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

BATU UBAN - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap sambutan Bulan Kemerdekaan dapat menyatukan semua rakyat Malaysia di bawah satu payung Jalur Gemilang.

Beliau berkata, perkara tersebut adalah amat penting untuk memupuk kecintaan kepada negara, mengeratkan kerjasama serta mengeratkan silaturahim.

“Tidak kisah dari negeri mana, penyokong dari parti mana, tetapi Bulan Kemerdekaan adalah tempoh masa untuk kita mengetepikan perbezaan-perbezaan

berkaitan dan mencari titik persamaan untuk negara kita.

“Sambutan tahun ini juga cukup bermakna memandangkan pelbagai isu serta cabaran yang kita hadapi di bawah Kerajaan Persekutuan baru yang masih menyesuaikan diri dengan pentadbiran, penggubalan dasar-dasar yang mungkin tidak dapat memberi kepuasan kepada rakyat dalam satu jangka masa pendek.

“Jadi mungkin ada rungutan dan sebagainya, tetapi apabila tiba Bulan Kemerdekaan, kita harap semua rakyat dapat bersama di bawah payung Jalur Gemilang,” ujarnya dalam sidang media Majlis Makan Malam Meraikan Konvoi

Kembara Merdeka Jalur Gemilang (KMJG) Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2019 di sini 19 Ogos lalu.

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, A. Kumaresan; Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Sarul Bahiyah Abu dan Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan), Mohd. Ali Sebran.

Mengulas mengenai kempen kibar Jalur Gemilang, Kon Yeow menyatakan bahawa ia bukan bermakna sekadar mengibarkannya secara fizikal, sebaliknya yang lebih penting

adalah penghayatan.

“Apa yang lebih penting adalah penghayatan nilai-nilai serta semangat yang dizahirkan oleh Jalur Gemilang untuk kita menggilap kembali semangat patriotisme dan kecintaan kita kepada tanah air,” jelasnya yang juga ADUN bagi kawasan Padang Kota.

Difahamkan sebanyak 62 kenderaan dari agensi kerajaan dan swasta menyertai KMJG yang dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 3 Ogos lalu di Melaka.

Konvoi tersebut menjelajah seluruh Semenanjung Malaysia dan Sabah serta Sarawak dengan jarak kira-kira 6,200 kilometer.



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, wakil-wakil pengangur dan para peserta mengibarkan Jalur Gemilang pada Majlis Makan Malam Meraikan KMJG Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2019 di sini baru-baru ini.



Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang mampu diangkat sebagai acara pelancongan kebangsaan

Oleh : SUNARTI YUSOFF

Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

PENANTI - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow optimis bahawa Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang yang dianjurkan buat kali kedua pada tahun ini mampu diangkat sebagai acara pelancongan di peringkat kebangsaan.

Beliau berkata, program berkenaan sememangnya mempunyai keunikan tersendiri yang mana pelancong akan dibawa merasai pengalaman amat menarik khususnya bagi masyarakat bandar.

"Pesta Padi Antarabangsa tahun 2019 telah membuktikan bahawa ia boleh mencapai pengiktirafan sebagai acara pelancongan kebangsaan.

"Justeru, Kerajaan Negeri bersama-sama pihak pengajur iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti boleh berbincang untuk melihat sama ada acara ini dapat ditingkatkan lagi sehingga boleh dimasukkan di dalam kalendar pelancongan negara," ujarnya pada sidang media selepas merasmikan acara berkenaan dekat Laman Padi Jeti Kampung Terus di sini 17 Ogos lalu.



SALAH satu acara tradisional yang diadakan.

Turut hadir, ADUN Penanti, Dr. Norlela Ariffin; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Setiausaha Perbandaran MPSP, Ir. Rosnani Mahmud; Naib Ketua Cabang Parti Keadilan Rakyat mewakili Ahli Parlimen Permatang Pauh, Amir Ghazali; Pegawai Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Kamarul Haizal Koderat; Pegawai Pertanian Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Pulau Pinang (IADA), Nor Mazirah Teh; Pengurus Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Terus, Baharudin Abdulla serta ramai lagi.

Dalam itu, Kon Yeow dalam ucapannya berkata bahawa Kerajaan Negeri akan terus memberi sokongan padu terhadap kesungguhan semua pihak yang berterusan mempertahankan tanah warisan melalui pengajuran pelbagai program bagi membantu meningkatkan pendapatan ekonomi penduduk setempat.

"Semoga festival ini mencapai sasarannya yang tersendiri sekaligus mewujudkan sinergi yang terbaik untuk kawasan Seberang Perai terutamanya dan Pulau Pinang keseluruhannya," jelas beliau.



KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, wakil-wakil pengajur dan pihak berkaitan merakam gambar kenangan sejurus majlis pelancaran Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Terdahulu, ketibaan Kon Yeow disambut dengan persembahan pencak silat oleh Pasukan Silat Gayung Harimau sebelum menyempurnakan sepakan penalti sebagai tanda merasmikan perlawanan bola dalam bendang.

Seusai merasmikan acara berkenaan, Kon Yeow berkesempatan merasai pengalaman mengacau dolol beras secara tradisional dan seterusnya menyaksikan pertandingan menangkap ikan di dalam bendang oleh peserta kanak-kanak.

Mengakhiri kunjungan tersebut, beliau dibawa menaiki bot untuk melepaskan benih udang galah dan anak ikan di Jeti Sungai Kampung Terus.

Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang berlangsung selama tiga hari mulai 16 hingga 18 Ogos 2019 dengan menyediakan pelbagai acara menarik seperti permainan tradisional, pertandingan masakan,



AKSI kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam acara menangkap ikan di dalam bendang.

persempahan kebudayaan, jualan makanan dan minuman, pameran replika haiwan yang diperbuat daripada jerami padi serta banyak lagi aktiviti menarik lain.

Program bertemakan 'PadiKu WarisanKu RezekiKu' dianjurkan oleh Pejabat ADUN Penanti dengan kerjasama Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar.

RMM bawah projek pembangunan PSR demi penuhi permintaan masa depan

TANJUNG BUNGA - Kerajaan Negeri Pulau Pinang bersetuju memperuntukkan sekurang-kurangnya 20 peratus daripada keluasan tanah projek Tambakan Laut di Perairan Selatan Pulau (PSR) untuk dibangunkan rumah mampu milik (RMM).

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, cadangan pembangunan tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Exco dan dipersetujui secara bersama.

"Hasrat Kerajaan Negeri adalah untuk terus menyediakan bekalan rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan RMM kepada rakyat Pulau Pinang meskipun (jumlah) unit yang dijanjikan dalam manifesto pilihan raya baru-baru ini iaitu (membekalkan) 76,000 unit menjelang 2025 telah tercapai."

"Berdasarkan rekod, sehingga kini, sejumlah 102,335 unit rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan RMM yang terdiri daripada 29,959 unit sudah siap dibina dan menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC), manakala sedang dibina (23,567 unit) dan 48,809 unit sedang dalam perancangan serta telah menerima kebenaran merancang," katanya pada sidang media di sini 10 Ogos lalu.

Menurut Jagdeep, cadangan untuk membangunkan RMM di bawah projek pembangunan PSR adalah bagi memenuhi permintaan baharu pada masa akan datang.

"Projek PSR akan mengambil masa antara 10 hingga 15 tahun bagi menyempurnakan pembangunan pulau pertamanya, dan bagi tempoh 15 tahun selepas itu, populasi rakyat Pulau Pinang pastinya akan semakin bertambah."

"(Dan) Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu menyediakan stok rumah yang mencukupi bagi memenuhi permintaan baharu tersebut terutama bagi pembeli rumah pertama."

"Sebab itu, saya bertegaskan bahawa 20 peratus pembangunan PSR akan dibangunkan dengan RMM pelbagai kategori selain daripada pembangunan komersial serta industri."

"Lagipun jika dilihat senario kini, projek-projek perumahan kos rendah, kos sederhana rendah dan RMM yang sedang dan dalam perancangan (binaan) bukannya boleh disiapkan serentak sebaliknya secara berfasa."

"Tambah pula, Pulau Pinang mempunyai kekangan tanah dan projek PSR akan membantu Kerajaan Negeri menyediakan lebih banyak RMM untuk rakyatnya pada masa-masa akan datang," jelasnya yang turut memaklumkan rekod permohonan di Bahagian Perumahan

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri kini.

Terdahulu, Jagdeep mengadakan lawatan ke tapak pembinaan projek RMM, Iconic Vue yang terletak di Batu Ferringhi. Bangunan setinggi 26 tingkat itu mempunyai 232 unit berkeluasan 850 kaki persegi setiap satu dan merupakan 100 peratus RMM Jenis A.

Projek yang bermula pada 2016 itu, kini 92 peratus siap, enam bulan lebih awal daripada yang dijadualkan dan dijangka menerima CCC pada September 2019.

Hadir sama pada sesi lawatan itu, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang; Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud; Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Perumahan) Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, 'Ainul Fadhilah Samsudi; Ketua Penolong Setiausaha (Seksyen Dasar & Pembangunan), Fakhurrazi Ibnu Omar dan Penolong Setiausaha Kanan (Seksyen Pengurusan Perumahan) Kerajaan Negeri, Mohd. Fauzy Mohd. Yusoff.

Pengarah Eksekutif Kumpulan Iconic, Katherine Tan dan Pengurus Projek Kanan Kumpulan Iconic, Teoh Chiew Poh serta beberapa pembeli unit Iconic Vue turut sama dalam lawatan tersebut.

Insentif kemasukan IPT demi kurang beban keluarga, hargai warga negeri

Oleh : **SITI HUMAIRA BINTI MOHAMED YASIN & SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS & AHMAD ADIL MUHAMAD**

SEBERANG JAYA – Kerajaan Negeri memperuntukkan kira-kira RM1,330,000 sebagai insentif Bantuan Pendaftaran Pelajar Ke Institut Pengajian Tinggi (IPT) bagi sesi kemasukan Jun tahun ini.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berkata bahawa insentif tersebut adalah sebagai menghargai warga negeri yang banyak menyumbang bakti serta menunjukkan kasih sayang terhadap Pulau Pinang.

“Bantuan ini melibatkan 1,330 pelajar di negeri Pulau Pinang bagi sesi kemasukan pada bulan Jun 2019, dan jumlah bagi Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) adalah seramai 347

pelajar membabitkan kos sebanyak RM270,200.

“Saya berharap bantuan ini dapat membantu meringankan beban pelajar, ibu bapa dan waris semasa proses pendaftaran pelajar-pelajar ke IPT, institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) dan juga politeknik kelak,” ucapnya pada Majlis Penyampaian Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPT Tahun 2019 Bagi Daerah SPT di sini 16 Ogos lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machang Bubuk, Lee Khai Loon dan Pegawai Daerah SPT, Kamarul Haizal Koderat.

Sementara itu, bagi peringkat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), majlis penyampaian disempurnakan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy membabitkan 149 pelajar.

Mengulas lanjut, Ramasamy menegaskan bahawa Kerajaan Negeri ketika ini amat mementingkan bidang sains dan teknologi sebagai usaha mempersiapkan generasi muda dalam

mendepani cabaran Revolusi Industri 4.0 (IR4.0).

“Kerajaan Negeri juga akan bekerjasama rapat dengan Jabatan Pendidikan Negeri (Pulau Pinang) untuk menganjurkan program-program berteraskan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) kepada pelajar sekolah kebangsaan, sekolah menengah dan sekolah-sekolah vernakular.

“Justeru, diharapkan lebih ramai pelajar memilih bidang sains dan teknologi serta mencapai prestasi cemerlang bukan sahaja di universiti awam atau swasta tetapi juga melalui politeknik serta institusi-institusi kemahiran yang diiktiraf oleh kerajaan,” serunya pada 19 Ogos lalu.

Turut hadir pada majlis berkaitan, Chong Eng; ADUN Jawi, Jason H'ng Mooi Lye; ADUN Sungai Acheh, Zulkifli Ibrahim; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik; Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman serta Pegawai Daerah SPS, Yazman Yahya.

APA KATA PENERIMA ?




NOR Aidatul Aliza Mohd. Azami.

NOR AIDATUL ALIZA MOHD. AZAMI, 18, berkata bahawa bantuan bernilai RM1,000 yang diterima sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan beban ibu bapanya dalam menyediakan keperluan untuk memulakan pembelajaran di universiti kelak.

“Saya sangat bersyukur kerana dapat bantuan ini, dan saya akan gunakan wang ini untuk perkara yang sepatutnya.

“Terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Negeri yang sangat memahami keperluan rakyat,” katanya yang berjaya menyambung pengajian dalam bidang perakaunan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) Merbok, Kedah.

Nada sama disuarakan **NUR IAN ILYANA NOOR ROSDI**,



NUR Ian Ilyana Noor Rosdi.

18, yang menyifatkan pemberian insentif berkenaan dapat membantu mengurangkan beban keluarganya.

“Saya gembira kerana dapat bantuan ini, sekurang-kurangnya saya boleh mengurangkan sedikit beban ibu bapa saya. Terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Negeri,” zahirnya.



MUHAMMAD Yusuf Afif Rashhan.

Bagi **MUHAMMAD YUSUF AFIF RASHHAN**, 18, beliau bersyukur kerana dipilih sebagai salah seorang penerima insentif dan menyifatkan pemberian ikhlak daripada Kerajaan Negeri itu sebagai satu usaha yang baik dalam meringankan beban rakyat.

“Seperti yang YB Profesor (Ramasamy) sebutkan tadi, walaupun nilai bantuan tidak terlalu besar, tetapi ia tetap dapat membantu melicinkan urusan pelajar untuk menyambung pelajaran masing-masing,” jelasnya yang akan menyambung pengajian dalam bidang Kejuruteraan Awam di UiTM Permatang Pauh.

Seorang lagi penerima, **MOHD. FAKHRUL RADZI SABRI**, 21, memberitahu bahawa beliau akan



MOHD. Fakhrul Radzi Sabri.

menggunakan wang tersebut untuk membeli barang keperluan serta membayar yuran pengajian dalam bidang Sains dan Matematik di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, Perak.



NUR Anis Farisha Mazlan.

Begitu juga bagi **NUR ANIS FARISHA MAZLAN**, 18, yang turut bersetuju bahawa bantuan yang disumbangkan Kerajaan Negeri membolehkan beliau membuat persiapan menyambung pelajaran di UiTM Machang, Kelantan tanpa terlalu membebarkan ibu bapanya.

“Dengan adanya bantuan ini, ibu bapa saya tidak perlu mengeluarkan terlalu banyak wang untuk perbelanjaan untuk ke universiti. Terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Negeri yang sentiasa

berusaha membantu golongan muda di negeri ini,” ulasnya.



ELYSHA Zaiyani Zulkifly.

Bagi **ELYSHA ZAIYANI ZULKIFLY**, 18, ketika ditemui menzhirkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri atas pemberian bantuan tersebut.

“Saya berasa bersyukur atas penerimaan bantuan tersebut kerana dapat mengurangkan beban ibu bapa saya.

“Wang tersebut akan saya belanjakan untuk membeli buku dan juga barang keperluan lain,” ujarnya yang sedang melanjutkan pelajaran di Politeknik Seberang Perai.




MUHAMMAD Emir Danial Zamani.

Seorang pelajar yang bakal melanjutkan pelajaran di Universiti

Teknologi Mara (UiTM) Kampung Merbok, **MUHAMMAD EMIR DANIAL ZAMANI**, 18, berasa gembira atas bantuan itu.

“Syukur kepada Allah S.W.T atas pemberian bantuan pendidikan ini... bagi saya, RM1,000 ini memang banyak dan secara tidak langsung dapat mengurangkan beban ayah saya.

“Saya akan belanjakan bantuan ini untuk membeli komputer riba bagi kegunaan di universiti nanti,” katanya.



MUHAMMAD Shafawi Shufian.

Manakala, **MUHAMMAD SHAFAWI SHUFIAN**, 18 memberitahu bahawa bantuan yang diterima tersebut dapat menambahkan semangat beliau untuk terus belajar dengan lebih cemerlang.

“Saya berasa gembira apabila menerima bantuan pendaftaran ini kerana dapat meringankan sedikit beban ibu bapa sebagai persediaan untuk mendaftar di UiTM Kampung Merbok nanti.

“Bantuan ini akan saya belanjakan untuk membeli komputer riba, buku-buku dan juga keperluan lain,” jelasnya kepada pemberita setelah menerima cek semasa majlis tersebut.

‘Pas Mutiara’ perjalanan tanpa had My50 di Pulau Pinang

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

GEORGE TOWN - Seperti di Lembah Klang, pas perjalanan tanpa had My50, dikenali sebagai ‘Pas Mutiara’ boleh digunakan untuk sistem pengangkutan bersepada bas Rapid Penang dan Rapid Ferry di negeri ini mulai 1 September 2019.

Mengulas lanjut, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berharap kemudahan itu akan meningkatkan lagi kualiti hidup rakyat, selain menggalakkan mereka untuk bergerak menggunakan sistem pengangkutan awam.

“Bagi RM50 yang dibayar oleh pengguna untuk masa penggunaan selama 30 hari, Kerajaan Pusat melalui Kementerian Pengangkutan membiayai RM50 dalam bentuk subsidi kepada pihak operator iaitu Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana).

“RM50 yang dibayar oleh Kerajaan Pusat ini adalah suatu subsidi bantuan terus kepada rakyat,” jelasnya pada majlis pelancaran perkhidmatan tersebut di perkarangan Terminal Bas Weld Quay B dekat sini pada 23 Ogos lalu.

Turut berucap, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow serta Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana, Datuk Mohamed Hazlan Mohamed Hussain.

Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee dan Ahli-ahli Dewan Dewan Undangan Negeri (ADUN) serta beberapa Ahli Parlimen turut serta majlis pelancaran tersebut.

Bagi projek ‘Pas Mutiara’ berkaitan, Siew Fook memberitahu bahawa Kementeriannya menyediakan peruntukan keseluruhan untuk 35,000 pengguna, walaupun Prasarana mensasarkan 4,000 pengguna berdaftar sehingga akhir tahun ini.

“Apabila lebih ramai menggunakan pengangkutan awam, sebenarnya (kesan berganda) akan kembali dalam ekosistem itu.



KETUA MENTERI dan Anthony Loke Siew Fook (kanan sekali) menyempurnakan gimik pelancaran Pas Mutiara di sini baru-baru ini.

“Walaupun kita (Kerajaan Persekutuan) membelanjakan subsidi untuk pengangkutan awam, tapi kebaikan yang dijana bagi pengangkutan awam itu adalah sangat banyak... (seperti) memaksimumkan penggunaan infrastruktur awam, menjaga alam sekitar dengan mengurangkan penjanaan jejak karbon, dan juga mengurangkan kesesakan (trafik).

“(Justeru), saya berharap rakyat di Pulau Pinang, rakyat dari Sungai Petani (Kedah) dan (kawasan Parlimen) Parit Buntar supaya merebut peluang dengan mendaftar bagi mendapatkan ‘Pas Mutiara’ ini supaya kita (Prasarana) capai sasaran 35,000 pengguna dalam masa lima tahun,” serunya.

Sebelum itu, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi merakamkan penghargaan kepada Prasarana kerana sejak hampir

12 tahun menyediakan mutu pengangkutan bas Rapid (Penang) bermutu di negeri ini.

Beliau dalam pada itu turut berharap Kementerian Pengangkutan memperluaskan penggunaan ‘Pas Mutiara’ untuk penggunaan perkhidmatan keretapi elektrik (ETS) Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM).

“Bagi memastikan ‘Pas Mutiara’ boleh juga digunakan untuk jenis pengangkutan awam LRT (transit aliran ringan), sekarang kita sedang usahakan untuk membina LRT.

“Sebagai menjayakan inisiatif (skim keretapi LRT Bayan Lepas) ini, kita masih amat berharap Menteri sendiri dan Kementerian serta Prasarana untuk menjayakan projek LRT di Pulau Pinang,” ujarnya yang juga ADUN Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Dalam pada itu, Mohamed Hazlan menyatakan bahawa Prasarana komited untuk mengatasi segala isu-isu berkaitan pengangkutan awam di negeri ini.

“Pengenalan ‘Pas Mutiara’ ini akan memudahkan perjalanan dan meningkatkan saling hubungan (connectivity) di antara kawasan pulau, Seberang Perai dan negeri-negeri jiran,” katanya.

Kini, difahamkan, sebanyak 404 bas Rapid Penang beroperasi melibatkan 71 laluan dengan jumlah purata penumpang harian melebihi 71,000.

Sementara, enam buah feri Rapid Ferry yang beroperasi di kedua-dua pelabuhan mempunyai jumlah penumpang tahunan sebanyak 865,559 penumpang, 762,498 kendaraan iaitu dengan purata penumpang harian seramai 3,696 orang, kereta (1,198), motosikal (1,855) dan 59 kendaraan jenis lain.

Pada 1 Disember tahun lepas, Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad melancarkan pas perjalanan tanpa had My100 dan My50 untuk penggunaan pengangkutan awam berasaskan rel dan bas di sekitar Lembah Klang, mulai 1 Januari 2019 sebagai langkah mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Taman Botani Pulau Pinang berpotensi diiktiraf sebagai 'Taman Botani UNESCO Keempat Dunia'

KEBUN BUNGAH – Pewartaan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Taman Botani Pulau Pinang (PBG) secara rasmi pada 4 Julai lalu bakal menampilkan konsep taman berwajah baharu melalui projek peremajaan semula.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, di bawah Pelan Induk PBG yang merupakan sebahagian daripada RKK mengandungi 25 projek yang telah disenaraikan, yang mana tujuh (projek) daripadanya dijangka dilaksanakan mulai tahun ini secara berperingkat.

Ulas beliau, tujuh projek utama tersebut adalah kompleks pusat pelawat, Pusat Pemuliharaan dan Penyelidikan Taman, *Malaysiana Boulevard*, membaik pulih *Garden Mall*, amfiteater semula jadi, kemudahan perkhidmatan tapak semai dan sistem pengairan, menara peninjau dan dek pemandangan.

“Kejayaan Kerajaan Negeri mewartakan RKK ini membuktikan kesungguhan kita untuk melihat pembangunan serta kawalan perancangan yang lebih komprehensif untuk Taman Botani (PBG).

“Projek meremajakan semula taman ini yang telah berusia 135 tahun akan memberi perkhidmatan lebih baik dan menawarkan pengalaman baharu kepada para pengunjung PBG dengan pelbagai kemudahan, di samping alam semula jadinya yang hijau berlatarbelakangkan Bukit Bendera,” ujarnya ketika mengadakan sidang media bagi mengumumkan perkara tersebut di sini 13 Ogos lalu.

PBG yang dahulunya dikenali sebagai *Waterfalls Garden* telah ditubuhkan pada tahun 1884, ia adalah taman semula jadi

tertua dalam negara dengan keluasan 212 hektar.

Hadir sama, Datuk Bandar bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato’ Ar. Yew Tung Seang; Dato’ Tpr. Idris Abdul Rahim (Pengarah PlanMalaysia @Pulau Pinang, JPBD) dan Dr. Saw Leng Guan (Kurator PBG).

Ekoran PBG yang bersifat semula jadi dan menonjol, Jagdeep melahirkan harapan agar taman berkenaan diiktiraf sebagai taman botani keempat yang disenaraikan di bawah Tapak Warisan Dunia Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) kelak.

Menurut beliau, terdapat tiga taman botani bawah UNESCO di seluruh dunia iaitu Taman Botani Singapura, Taman Botani Diraja di Kew, United Kingdom dan Taman Botani Rio de Janeiro, Brazil.

“Bagaimanapun, Taman Botani Pulau Pinang (PBG) adalah lebih istimewa kerana (PBG) adalah taman semula jadi sedangkan tiga yang lain adalah buatan manusia.

“Malah, Nigel Taylor (Kurator Taman Botani Singapura) ketika datang ke sini (PBG) turut melahirkan keyakinan beliau bahawa taman botani (PBG) ini berpotensi besar untuk disenaraikan di bawah Tapak Warisan Dunia UNESCO,” katanya yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Ketika ditanya berhubung perancangan projek peremajaan tersebut dengan status taman botani UNESCO yang ingin diraih, Jagdeep memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri akan



DR. SAW LENG GUAN (kanan sekali) menunjukkan pelan perancangan RKK PBG sambil diperhatikan Jagdeep Singh Deo (dua dari kanan) dan pihak-pihak berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini.

mengikuti semua garis panduan yang ditetapkan.

“Di samping merejuvenasikan taman ini, kita (Kerajaan Negeri) juga akan melihat garis panduan serta mematuhi syarat-syarat yang termaktub untuk sebuah taman botani UNESCO, Leng Guan sangat berpengalaman, beliau tahu apa garis panduan dan bagaimana kita (Pulau Pinang) boleh mematuhiinya,” katanya.

Komtar terima Anugerah Pengurusan Tenaga Untuk Bangunan Besar NEA

KOMTAR - Langkah progresif diambil PDC Setia Urus dalam menjimatkan penggunaan tenaga di Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) selama ini tidak sia-sia apabila dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pengurusan Tenaga Untuk Bangunan Besar, dalam Majlis Penyampaian Anugerah Tenaga Kebangsaan (NEA) di ibu negara pada 1 Ogos lepas.

Bercakap kepada pemberita, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng yang juga Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri merakamkan penghargaan di atas kejayaan Komtar dipilih menerima anugerah tersebut.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif PDC Setia Urus, Dato' Ir. Ang Choo Hong memberitahu bahawa pada majlis anugerah yang berlangsung di Hotel Majestic Kuala Lumpur, menyaksikan Komtar dipilih sebagai pemenang daripada 145 penyertaan dalam kategori pengurusan tenaga bagi bangunan besar.

"Dengan menggunakan bil elektrik sebanyak RM10,998,680 pada tahun 2016 sebagai garis lantai (had penggubalan tenaga), kita mencatatkan pengurangan penggunaan tenaga kira-kira 7.38 peratus atau RM811,936



TEH Lai Heng (tiga dari kiri) bersama-sama Ir. Ang Choo Hong (kanan sekali) serta barisan pentadbir PDC Setia Urus menunjukkan trofi serta pengiktirafan yang diterima pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

bagi bil elektrik pada tahun 2017.

"Penggunaan tenaga berjaya dikurangkan lagi pada tahun 2018, iaitu sebanyak RM2,044,185.61 atau 18.59 peratus berbanding (penggunaan tenaga elektrik) bagi tahun 2016," jelasnya dalam sidang

media di sini pada 7 Ogos 2019.

Atas kemenangan itu, menurut Choo Hong, PDC Setia Urus membawa pulang trofi, sijil serta wang tunai RM40,000.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa sejak 2016, PDC Setia Urus telah

melakukan beberapa projek penarafan pada bangunan demi menjimatkan lagi tenaga.

"Beberapa kemudahan elektrik dinaik taraf untuk menyediakan bekalan tenaga elektrik yang cekap, selain mengurangkan penggunaannya.

"Eskalator di Komtar juga diganti dengan eskalator baharu yang dilengkapi dengan sensor gerakan, antara tahun 2016 hingga 2017, secara berperingkat," ujarnya.

Tambah Choo Hong, PDC Setia Urus turut melaksanakan beberapa projek menukar tarif elektrik dari B kepada C1 yang siap pada awal tahun 2018.

"Penularan tarif tenaga elektrik ini memang memberi kesan positif yang besar kepada bil elektrik Komtar," katanya.

Pada perkembangan lain, Choo Hong menyatakan bahawa Komtar turut mendapat satu penarafan 'Diamond' untuk Kategori Bangunan Rendah Karbon, yang dianugerahkan oleh Lembaga Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA Malaysia) pada awal tahun 2019.

Dengan dwi rekod itu, ulas beliau, Komtar turut akan bersaing dalam merebut Anugerah Tenaga Asia Tenggara pada tahun ini di Bangkok, Thailand.

Karnival jadi medan pasar produk usahawan dan koperasi

SUNGAI ACHEH - Karnival Pasar Koop dan Kediaman Selamat 2019 Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) sengaja menawarkan pelbagai barang dapur, termasuk keluaran koperasi-koperasi di negeri ini pada harga di bawah pasaran demi mengurangkan lagi kos sara hidup rakyat teramai di peringkat lokaliti.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata bahawa penganjuran karnival sebegini adalah sebagai usaha merealisasikan Visi Penang2030 yang memberi tumpuan kepada aspek negeri pintar dan hijau serta berpaksikan kepada kekeluargaan aspirasi negara.

"Kalau kita lihat barang yang dipasarkan di karnival ini adalah dihasilkan oleh koperasi-koperasi dari negeri Pulau Pinang.

"Di sini juga akan kita lihat harga barang-barang yang dipasarkan adalah antara 5 peratus hingga 20 peratus lebih murah berbanding harga pasaran sebenar," jelasnya kepada pemberita selepas merasmikan karnival tersebut di sini 3 Ogos lepas.

Turut berucap, Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Acheh, Zulkifli Ibrahim.

Di sebalik penganjuran karnival tersebut, Abdul Halim memberitahu bahawa terdapat beberapa agensi Persekutuan terlibat antaranya Lembaga Pemasaran Persekutuan (FAMA), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Tambahnya yang juga ADUN Batu Maung, Koperasi Guru Besar Sekolah Kebangsaan Pulau Pinang Berhad, Koperasi KKSKK Pulau Pinang Berhad, Co-Opbank Pertama, Koop Station merupakan antara koperasi yang turut mengambil



ABDUL Halim Hussain (dua dari kanan) dan Zulkifli Ibrahim (kanan sekali) membeli beberapa barang di salah sebuah gerai jualan koperasi pada penganjuran Karnival Pasar Koop dan Kediaman Selamat 2019 Daerah SPS di sini baru-baru ini.

bahagian.

Sebelum itu, Mansor menyatakan bahawa penganjuran karnival berkaitan adalah gabungan tiga program utama iaitu pembangunan keusahawanan, koperasi dan kempen keselamatan di rumah.

"Gerakan koperasi dan pembangunan keusahawanan ini adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan, lalu kita (Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang) jalankan ia secara serentak.

"Gerakan Koperasi bukan sahaja dapat menjana pendapatan isi rumah serta menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), tapi yang lebih penting adalah membina golongan usahawan serta meningkatkan tahap sosio-ekonomi rakyat yang berpendapatan 40 peratus paling rendah (B40)," ujarnya sambil memuji program sokongan dalam mengerakkan penubuhan koperasi di peringkat Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

PULAU PINANG

ANDA BIJAK KERNA MEMBAYAR

CUKAI PETAK LEBIH AWAL

2 cara memudahkan anda untuk membuat pembayaran

1. **Kaunter**
Pilih mana-mana kaunter bayaran yang berhampiran dengan anda

2. **Online**
Pembayaran secara atas talian di <http://ebayar.penang.gov.my> mulai Januari 2020

Kaunter Bayaran

Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Utara 13200 Kepala Batas Pulau Pinang	Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Selatan Jalan Betek, Sg. Rambai 14200 Bukit Mertajam Pulau Pinang	Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Barat Tingkat 50 & 51 10000 KOMTAR Pulau Pinang	Pejabat Daerah & Tanah Daerah Timur Laut Tingkat 50 & 51 11000 Balik Pulau Pulau Pinang
Tel: 04-577 6618 Fax: 04-577 6666 http://spu.penang.gov.my	Tel: 04-548 8915 Fax: 04-539 9549 http://spt.penang.gov.my	Tel: 04-585 7851 Fax: 04-582 1003 http://sps.penang.gov.my	Tel: 04-650 5290 Fax: 04-263 6687 http://dtl.penang.gov.my

Diedarkan oleh: Pejabat Tanah dan Galian Pulau Pinang
Tingkat 22, KOMTAR, 10000 Pulau Pinang
Tel: 04-650 5805 Fax: 04-251 9307
<http://ptg.penang.gov.my>

FPX **VISA**

Bersifat ‘matang’, Menteri tidak tolak Pulau Pinang mungkin pertama adakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan

Teks & Gambar : WATAWA NATAF ZULKIFLI

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih tetap dengan pendiriannya menyokong agar Pilihan Raya Kerajaan Tempatan diadakan semula, ujar Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo.

Jagdeep berkata, Pilihan Raya Kerajaan Tempatan akan menjadikan sebuah kerajaan itu lebih akauntabiliti dalam menjalankan amanahnya kepada rakyat.

“Apabila anda memilih kami sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen dalam pilihan raya umum, ianya adalah bertanggungjawab kepada anda.

“Ketika menjadi Kerajaan (Negeri) pada 2008, kita perkenalkan cogan kata Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT), jadi kita perlu ikutinya... kalau inginkan akauntabiliti daripada semua lapisan, bukan sahaja di peringkat Persekutuan dan negeri, bahkan Kerajaan Tempatan juga perlu ada pilihan raya tersebut,” ucapnya pada Forum Pilihan Raya Kerajaan Tempatan: Siapa Untung Siapa Rugi di sini 17 Ogos lalu.

Hadir sama, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Zuraida Kamaruddin dan Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Mengenai sebab Pilihan Raya Kerajaan Tempatan tidak boleh diadakan ekoran kononnya akan menjarakkan jurang antara bandar dan desa, Jagdeep yang juga Ahli



JAGDEEP Singh Deo (berkot biru), Zuraida Kamaruddin (bertudung) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada pengajuran Forum Pilihan Raya Kerajaan Tempatan: Siapa Untung Siapa Rugi di sini baru-baru ini.

Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat menolak pendapat tersebut.

“Saya berpendapat, jika kita boleh pilih pemimpin Pusat dan negeri, mengapa peringkat Kerajaan Tempatan tidak boleh... yang mana akan timbul isu bandar, kampung ataupun

kaum?

“Adakah ia terjadi apabila pilih saya sebagai wakil rakyat? Adakah ia timbul apabila pilih YB Zuraida sebagai menteri? Jadi sebab itu, saya tidak bersetuju apabila perkara tersebut dinyatakan bila mahu diadakan

Pilihan Raya Kerajaan Tempatan,” tegasnya.

Melalui Pilihan Raya Kerajaan Tempatan, Ahli-ahli Majlis bagi pihak berkuasa tempatan (PBT), Datuk Bandar dan Yang di-Pertua (YDP) akan dipilih melalui sistem pilihan raya dan bukan lagi melalui lantikan seperti hari ini.

Zuraida sebagai respons kepada isu berkenaan pada sidang media menyatakan bahawa pihaknya menganggarkan pilihan raya berkenaan mungkin boleh dijalankan dalam tempoh tiga tahun dari sekarang.

“Tiga tahun ini merangkumi proses untuk kita keluarkan satu model dan kertas cadangan kepada Kabinet... jadi dalam masa tiga tahun ini, kita akan buat bengkel kepada semua pihak berkepentingan, (buat) perancangan dan bagi penerangan kepada rakyat.

“Pada masa sama, KPKT akan buat pindaan kepada akta-akta yang perlu,” jelas beliau yang juga Ahli Parlimen Ampang.

Dalam pada itu, Zuraida juga tidak menolak kemungkinan bahawa Pulau Pinang mungkin akan muncul negeri pertama yang mengadakan pilihan raya tersebut kerana menyifatkan negeri ini sebagai ‘matang’.

“InsyaAllah... memandangkan Pulau Pinang sebuah negeri yang matang dan nampak bersedia, kerana sebelum ini pernah beri cadangan tetapi ditolak oleh Kerajaan Pusat terdahulu, namun sekarang kita sudah satukan kerajaan.

“Musngkin apabila di peringkat pelaksanaan nanti, InsyaAllah Pulau Pinang akan jadi negeri nomor satu melaksanakannya,” ulasnya lanjut.

Generasi muda diseru tampil sahut cabaran bangunkan agenda hijau Negeri

GEORGE TOWN – Pengajuran *Penang International Green Conference and Exhibition 2019* (PGIGCE) oleh syarikat berkaitan Kerajaan Negeri, *Penang Green Council* (PGC) merupakan platform untuk semua pihak berkongsi idea dalam memajukan agenda hijau di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, tema acara pada tahun ini adalah ‘*Penang Green and Smart City*’ yang merupakan agenda dimulakan Pakatan Harapan sejak mengambil alih pentadbiran negeri dengan visi untuk membawa perubahan dan pembaharuan serta menuju ke arah negeri hijau.

“Kali ini kita terima kolaborasi daripada banyak pihak dan kita menghargai sumbangan mereka,” katanya pada sidang media di sini 16 Ogos lalu.

Hadir sama, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato’ Ar. Yew Tung Seang; Lembaga Pengarah PGC, Dato’ Ar. Lawrence Lim

Hua Kwang; Pengurus Pengajuran PGIGCE 2019 merangkap Pengarah PGC, Baylon Tham Wai Leong dan Pengurus Besar PGC, Josephine Tan Mei Ling.

Pengajuran Bersama PGIGCE 2019 merangkap Ahli Majlis MGBC, Vincent Lim; Pengasas dan Penasihat Eksekutif Hunza Properties Berhad, Datuk Seri Khor Teng Tong serta Eksekutif Hunza Group, Khor San Leng turut hadir.

Mengulas lanjut, Kon Yeow menyeru kepada generasi muda untuk tampil menyahut cabaran dalam membangunkan agenda hijau dengan menyertai acara tersebut.

“Kita berharap agar generasi muda sedar betapa pentingnya alam sekitar dan menyahut cabaran dengan memainkan peranan penting untuk memajukan lagi agenda hijau di Pulau Pinang.

“Oleh itu, semua lapisan masyarakat khususnya pelajar-pelajar sekolah dan universiti dialu-alukan mengambil bahagian dengan menyertai pengajuran acara pada tahun ini,” ujarnya.

Punca kematian ikan dalam sangkar di perairan Teluk Bahang masih dalam proses analisis

PENANTI – Punca kematian beribu-ribu ekor ikan dalam sangkar di perairan Teluk Bahang masih lagi dalam proses analisis, kata Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow.

Beliau berkata, pihak Universiti Sains Malaysia (USM) kini sedang membantu Kerajaan Negeri membuat persampelan dan menganalisis sampel-sampel yang diperoleh dari kawasan terbabit.

“Laporan awal telah dikemukakan kepada Exco Alam Sekitar, YB Phee Boon Poh, tetapi ia tidak boleh dikatakan penemuan muktamad lagi.

“Sudah ada petunjuk-petunjuk yang dikenal pasti, namun pihak USM perlu lebih banyak sampel dan analisis sebelum mengetahui punca utama kejadian tersebut, dan kita berharap keputusan akan keluar dalam kadar segera,” katanya pada sidang media selepas merasmikan pengajuran Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang dekat Laman Padi Jeti Kampung Terus di sini 17 Ogos lalu.

Terdahulu, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar negeri, Phee Boon Poh berkata bahawa punca kematian ikan-ikan tersebut adalah disebabkan oksigen terlarut rendah (DO) yang terdapat dalam air, kerana keputusan ujian menunjukkan kepekatan DO

hanya empat miligram (mg) seliter, berbanding dengan kadar air segar normal sebanyak 7.56 mg seliter.

“Punca kepekatan rendah DO boleh berubah-ubah, seperti tumbuhan alga yang berlebihan di alam sekitar dan pencemaran logam berat serta populasi ikan yang berlebihan,” jelasnya pada sidang media 15 Ogos lalu.

Justeru, Boon Poh memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu pasukan petugas untuk membangunkan data garis dasar mengenai kualiti air.

Tambahnya, pasukan itu diberi tempoh selama 18 bulan untuk membangunkan data tersebut yang akan berguna untuk siasatan masa hadapan.

“Data itu akan digunakan oleh Jabatan Alam Sekitar (DoE), USM, Jabatan Perikanan Pulau Pinang atau mana-mana agensi yang menyiasat kualiti air,” kata beliau.

Sebelum itu, Jabatan Perikanan Pulau Pinang dalam satu kenyataan menafikan dakwaan bahawa kematian beribu-ribu ikan dalam sangkar di perairan Teluk Bahang adalah disebabkan oleh keracunan dan pencemaran seperti yang tular di media sosial baru-baru ini.

BoF, ke arah bandar mesra berbasikal



AKSI Ar. Yew Tung Seang (barisan depan, kanan sekali), Mohd. Rashid Hasnon (barisan depan, kiri sekali) pada kayuhan BoF ke-232 di sini baru-baru ini.

Oleh : SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN
Gambar : LAW SUUN TING

GEORGE TOWN – Kayuhan basikal, Program ‘Bike On Friday’ (BoF) ke-232 pada 9 Ogos lalu dapat memupuk semangat bersukan terutama dalam kalangan masyarakat negeri ini, jelas Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato’ Ar. Yew Tung Seang.

Katanya, program sebegitu dapat menggalakkan orang ramai terutamanya warga Pulau Pinang

berbasikal untuk ke tempat kerja dan sekaligus menjadikan Pulau Pinang lebih Bersih, Hijau, Selamat, Sihat dan Sejahtera.

“Program sihat ini akan diadakan setiap hari Jumaat jam 7 pagi dengan laluan bermula di pusat membeli-belah Queensbay Mall dan berakhir di hadapan Gama Supermarket.

“Kita (MBPP) sentiasa berusaha untuk mentransformasikan Pulau Pinang ke arah bandar yang mesra berbasikal dan menyediakan kemudahan basikal yang lebih baik untuk warga negeri,” katanya

G A M B A R
berkumpulan sebagai kenangan.



sejurus menamatkan kayuhan di sini.

Istimewanya pada pengajuran hari berkenaan adalah penyertaan Timbalan Speaker Dewan Rakyat merangkap Ahli Parlimen Batu Pahat, Dato’ Haji Mohd Rashid Hasnon dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang,

Lim Siew Khim.

Lanjutnya itu, Tung Seang menzahirkan ucapan terima kasih kepada Mohd. Rashid atas pengajuran empat tahun program berbasikal tersebut yang diinisiatifkan sendiri oleh beliau semasa menjawat jawatan sebagai Timbalan Ketua Menteri I Pulau

Pinang.

Mohd. Rashid dalam ucapannya menyatakan bahawa program yang dianjurkan selama empat tahun tersebut mendapat sokongan daripada warga negeri dan mengharapkan lebih ramai lagi akan menyertai kayuhan santai berkaitan.

Naik taraf perkhidmatan feri, terminal dalam perancangan - Menteri

GEORGE TOWN – Sebanyak RM90 juta peruntukan Persekutuan untuk Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) melakukan kerja-kerja penarafan perkhidmatan feri dan terminal makan tertangguh sehingga firma Persekutuan itu menyelesaikan beberapa isu perundungan berhubung pengusaha terdahulu.

Mengulas lanjut, Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata bahawa Kementeriannya telah memberi lampu hijau untuk projek penarafan tersebut, selepas Rapid Ferry Sdn. Bhd. (Rapid Ferry) iaitu anak syarikat Prasarana sejak 1 Mei 2018 mengambil alih operasi perkhidmatan feri dan terminal daripada Penang Port Sdn. Bhd..

“Telah saya adakan pertemuan dengan Prasarana dan Kementerian Kewangan baru-baru ini, Prasarana diberi kebenaran untuk meneruskan rancangan pelan penarafan perkhidmatan feri serta terminal Pulau Pinang.

Sementara itu, Prasarana harus terus menyelesaikan masalah perundungan dengan pihak pengendali operasi sebelum ini... Prasarana perlu meningkatkan dana melalui saluran dalaman (kerana) ia melibatkan keputusan pada peringkat dasar.

“Kami (Kementerian) perlu menyelesaikan masalah perundungan antara pengendali semasa dan sebelum ini, sebelum boleh meneruskan (pelan penarafan feri dan terminal Pulau Pinang),” katanya dalam sidang media pada 23 Ogos 2019.

Sebelum itu, Siew Fook merasmikan acara pelancaran pas perjalanan tanpa had ‘Pas

Mutiara’ untuk kegunaan jenis pengangkutan awam bas Rapid Penang dan Rapid Ferry, dalam majlis yang berlangsung di Terminal Bas Weld Quay (Terminal B) di sini.

Selain itu, beliau turut meminta Prasarana menggunakan perbelanjaan pembangunan (CapEx) untuk menaik taraf feri sedia ada sebagai feri pelancongan selain membeli lebih banyak bot pengangkutan penumpang.

“Saya faham bahawa Pulau Pinang ada nilai sentimental terhadap feri, (justeru,) saya memberi jaminan bahawa perkhidmatan feri dikekalkan.

“Kita (Kementerian) merancang untuk menjadikan beberapa feri sebagai feri pelancongan, membawa penumpang tanpa kenderaan.

“Mungkin dua atau tiga feri sedia ada akan dikekalkan untuk mengangkut kenderaan,” ujarnya sambil memberitahu komitmen mewujudkan katamaran atau teksi air.

Bercakap pada sidang media sama, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyatakan bahawa pentadbirannya menyambut baik hasrat Siew Fook menaik taraf perkhidmatan feri, untuk diperhalusi oleh Kerajaan Negeri.

“Sebagaimana perkara yang diperjelas oleh Menteri, ia hanya rancangan, butiran belum dimuktamadkan,” jelasnya.

Kon Yeow memberitahu bahawa pada era 1980-an menyaksikan Pulau Pinang memang pernah ada kapal penumpang sahaja yang membawa orang awam ke Pulau Jerejak dan sebagainya.

Apakah ACRYLAMIDE?

Bahan kimia yang terhasil apabila makanan berkanji yang dimasak, digoreng, dan dibakar pada suhu yang tinggi dalam tempoh yang lama.

Bagaimana ACRYLAMIDE Terhasil?

Semulajadi di dalam makanan berkanji yang dibakar / digoreng / dipanggang pada suhu 120°C

Contoh Makanan

- Kentang Goreng
- Kerepek Pisang
- Nasi Goreng
- Mee Goreng
- Roti Bakar
- Kentang Bakar

Adakah ACRYLAMIDE Penyebab Kanser?

Tidak bukti terhadap manusia. Pendehanan lama menyebabkan kanser dalam kajian ke atas haiwan.

ACRYLAMIDE DALAM MAKANAN

Tips mengurangkan Acrylamide di dalam makanan

- Masak makanan berkanji sehingga berwarna emas kekuningan.
- Rendam kentang di dalam air selama 15 - 30 minit atau celur di dalam air mendidih.
- Tidak menyimpan ubi kentang di dalam peti sejuk.
- Ikat cara penyediaan makanan daripada pengilang agar suhu tidak terlalu tinggi.

BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN | BKKMBHQ | BKKMPutrajaya

Negeri komited sokong program kebajikan, pendidikan babit saudara baharu

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

SEBERANG JAYA - Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa pihaknya akan terus memberi sokongan dalam pengajuran program bersifat kebajikan dan pendidikan khusus kepada saudara baharu di negeri ini.

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat berkata demikian ketika berucap dalam acara Makan Malam Sempena Majlis Mahrajan Amal Islami saudara baharu dan Festival Sukan Orang Asli Islam Peringkat Kebangsaan pada 16 Ogos 2019.

"Saya sentiasa memberi sokongan padu kepada pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dan semua agensi berkaitan agama (Islam) di negeri ini terutamanya daripada aspek pengukuhan ilmu-ilmu Islam serta aktiviti agama bagi tujuan pemantapan keimanan dalam kalangan 'saudara baharu'," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal pada majlis yang dihadiri hampir 600 perwakilan di sini.

Sebelum itu, Ahmad Zakiyuddin bersama-sama Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Mohamad Nordin Ibrahim mengiringi Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas bagi menyempurnakan acara perasmian majlis tersebut.

Turut serta, Yang di-Pertua Majlis Agama



DR. Abdul Rahman Abbas (tiga dari kanan) sambil diiringi Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (dua dari kiri), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil berkaitan merasmikan pengajuran makan malam sempena Majlis Mahrajan Amal Islami saudara baharu dan Festival Sukan Orang Asli Islam Peringkat Kebangsaan di sini baru-baru ini.

Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Pengarah JHEAIPP, Zulkifli Long.

Bercakap pada pentas sama, Mohamad Nordin memberitahu bahawa karnival sukan tersebut adalah julung kali dianjurkan JAKIM dengan menggabungkan penyertaan 'saudara baharu' daripada kalangan orang asli dan pelbagai etnik lain.

"Istimewanya dalam pengajuran pada kali ini adalah, acara karnival sukan turut

disertai oleh orang asli yang belum memeluk agama Islam juga," ujarnya.

Ahmad Zakiyuddin dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada Pulau Pinang kerana sudi menjadi tuan rumah bagi pengajuran acara Persekutuan pada kali ini.

"Harapan kami (JAKIM) agar melalui program ini, ia dapat menghasilkan nilai-nilai Rahmah berdasarkan gagasan Islam Rahmatan Lil Alamin (Islam adalah rahmat ke seluruh alam)," katanya.



SYERLEENA Abdul Rashid (dua dari kiri) merakam gambar kenangan bersama-sama Chew Yu Qi (kiri sekali), Setor Ying Er (barisan depan, tengah) dan Lim Xing Ying sejurus majlis penyampaian hadiah di sini baru-baru ini.

mencungkil bakat anak-anak muda tempatan.

"Tahniah kepada semua pemenang, saya akui semasa menjadi juri tempoh hari memang sukar, bagi saya, semua karya adalah cantik dan anda yang lain juga adalah pemenang."

"Kepada yang belum berjaya jangan berputus asa, anda boleh cuba lagi untuk peraduan akan datang," seru beliau.

Peraduan mewarna dan melukis Buletin Mutiara cungkil bakat seni tempatan

GEORGE TOWN - Johan peraduan Bakat Si Cilik – Mewarna 1/2019 anjuran Buletin Mutiara, Setor Ying Er, 10, ternyata gembira dengan kemenangan diperoleh.

Manakan tidak, menurut bapanya, W.K. Setor, 56, menyatakan bahawa penyertaan tersebut merupakan yang sulung buat Ying Er.

"Ying Er memang tidak ambil kelas seni di luar, belajar sendiri, atau kadang-kadang saya dan isteri sahaja yang ajar."

"Dari segi minat, memang saya nampak dia minat dalam seni, jadi kalau nanti sudah besar nak teruskan dalam bidang ini pun saya tiada halangan."

"Selain pertandingan Buletin Mutiara, Ying Er yang merupakan pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Shang Wu, Air Itam juga pernah memenangi pertandingan melukis dan mewarna di sekolah selain meminati bidang nyanyian," jelasnya sejurus menerima hadiah berupa wang tunai bernilai RM250 dan sijil penghargaan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid di sini baru-baru ini.

Hadiah kedua dan ketiga bagi pertandingan Bakat Si Cilik – Mewarna 1/2019 masing-masing dimenangi oleh Chew Yu Qi, 11, dan

Khor Jenny, 11.

Dalam pada itu, bagi pertandingan Melukis Poster Bertemakan Penang2030: Negeri Hijau Pintar dan Berteraskan Keluarga Yang Menginspirasikan Negara, ia dimenangi Lim Xing Ying, 18.

Kemenangan tersebut melayakkan Xing Ying membawa pulang RM500 dan sijil penghargaan.

Bercakap kepada Buletin Mutiara, katanya, beliau mendapat tahu mengenai peraduan berkenaan melalui kawannya.

"Dari situ saya mencuba, dan banyak juga pertandingan-pertandingan lain yang saya serta sebelum ini, ada yang menang dan ada juga yang dapat tempat ketiga serta ambil hadiah di Jepun."

"Mengenai bidang seni, saya memang meminati seni lukis sejak berumur lima tahun dan selalunya memang mendapat sokongan daripada keluarga," jelas Xing Ying yang kini menuntut di sebuah kolej swasta di sini.

Mengulas lanjut, Syerleena yang juga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Komunikasi berharap supaya pertandingan seumpama itu dapat diteruskan demi

Jalinan kerjasama Pulau Pinang, Thailand mampu promosi sektor pelancongan dua hala

TANJUNG BUNGA - Jalinan kerjasama erat di antara Kerajaan Negeri dan Pejabat Konsul Jeneral Thailand di Pulau Pinang mampu membuka ruang promosi serta prospek pelancongan dua hala pihak-pihak berkenaan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa inisiatif saling menyokong di antara satu sama lain tersebut mampu memusatkan sektor pelancongan negeri dan negara masing-masing.

"Faktanya, kita (Pulau Pinang dan Thailand) adalah berjiran, ekoran jarak yang dekat ini, kita mempunyai peluang untuk saling membantu mempromosikan sektor pelancongan masing-masing."

"Seperti Thailand yang merupakan destinasi pilihan warga Pulau Pinang, kerana pemandangannya yang menarik, makanaan, buah-buahan serta budayanya."

"Malah, pengajuran Festival Thailand saban tahun yang diadakan di Pulau Pinang seolah mewujudkan suasana 'a miniature of Thailand' di sini," ujarnya pada Majlis Perasmian Festival Thailand di sini 17 Ogos lalu.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, Yeoh Soon Hin, Konsul Jeneral Thailand di Pulau Pinang, Raschada Jiwalai dan Konsul Jeneral Jepun di Pulau Pinang, Shinichiro Kanoya.

Festival yang berlangsung selama tiga hari tersebut menyajikan pelbagai juadah, kraftangan serta buah tangan dari negara tersebut dengan lebih 20 gerai jualan.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjung memberitahu bahawa untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi yang lebih baik dalam sektor pelancongan, Kerajaan Negeri melalui pentadbirannya turut menitikberatkan isu kebersihan dan keselamatan.

"Untuk Pulau Pinang yang lebih baik, hijau, bersih dan selamat, Kerajaan Negeri menyeru kepada semua pengunjung, pelawat mahupun pelancong yang datang ke sini untuk bersama-sama menjaga kebersihan."

"Minimumkan penggunaan plastik serta penyedut minuman, malah anda juga digalakkan untuk membawa *tiffin carrier* ataupun bekas makanan sendiri... hindarkan daripada membuang sampah merata-rata agar kawasan awam lebih bersih."

"Tingkah laku atau perubahan kecil ini secara tidak langsung bakal memberikan impak yang besar kepada sektor pelancongan, yang mana pengunjung dan pelancong akan merasa lebih selesa, hijau serta selamat sepanjang berada di negeri ini," jelas beliau.

Dalam pada itu, Kon Yeow dimaklumkan bahawa pada tahun lalu, sekitar 100,000 pelancong warga Thailand telah berkunjung ke Pulau Pinang, dan tahun ini Pejabat Konsul Jeneral Thailand di sini menjangkakan kedatangan pelancong dari negaranya bakal meningkat 15 peratus.

Festival Bukit Bendera promosi nilai sejarah, budaya dan alam sekitar

Oleh : SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN

Gambar : NUR AFIQAH ZAINUDI

AIR ITAM – Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai menyatakan bahawa penganjuran Festival Bukit Bendera (PHF) 2019 umumnya bertindak sebagai penyumbang kepada usaha mempromosikan Pulau Pinang daripada aspek nilai sejarah, budaya dan alam sekitar.

“Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PHC) atas penganjuran program ini kerana berjaya mendekatkan orang ramai dengan kekayaan hutan serta alam sekitar yang hijau di bukit peranginan ini.

“Sambutan PHF 2018 yang berlangsung selama sembilan hari tahun lalu telah berjaya membawa seramai 52,000 pengunjung menerokai alam sekitar di kawasan ini.

“Oleh itu, PHC bersetuju untuk menganjurkan PHF tahun ini hasil sokongan padu daripada orang ramai,” ucapnya pada Majlis Penutupan ‘Music On The Hill – East Meets West’ di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan), Datuk Haslina Abdul Hamid; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air



WONG Hon Wai pada Majlis Penutupan ‘Music On The Hill – East Meets West’ di sini baru-baru ini.

Itam, Joseph Ng Soon Siang dan Pengurus Besar PHC, Dato’ Cheok Lay Leng.

Dalam pada itu, Lay Leng berharap agar orang ramai yang hadir sepanjang festival itu berlangsung mampu menimba pengalaman serta mendapat pendedahan mengenai Bukit Bendera.

Persembahan muzik yang menghiasi majlis penutupan festival seperti alat muzik elektronik, gitar, orkestra dan gamelan ternyata menggantikan tumpuan para hadirin.



SEBAHAGIAN persembahan yang menjadi tumpuan.

LOT KOMERSIAL 2 DAN 3 TINGKAT

LOKASI YANG STRATEGIK

1-city terletak di kawasan strategik berhampiran menuju Highway Utara-Selatan (PLUS) dan kawasan industri serta dijalankan dengan bandar besar seperti Bukit Mertajam, Butterworth dan Kulim.



PARAMOUNT GARDEN SDN. BHD. (1149658-D)

1797-1-8a, Kompleks Auto World
Jalan Perusahaan Juru Interchange, 13600 Prai, Pulau Pinang
T: 04-507 8980/507 8981 • F: 04-507 5980 • E: loyal188@gmail.com

Jumlah unit: 60 • No Kelulusan Pelan Bangunan: MPSP/40/20-43/46 • Tarikh dijangka siap: Ogos 2019
• Pihak berkuasa yang meluluskan pelan Bangunan: MPSP


Hakmilik Kekal
5% Diskaun untuk Bumiputera

LOT KOMERSIAL 2 & 3 TINGKAT

Harga Jualan:
RM908,000 (Min)~RM1,800,000 (Mak)

Luas Tanah:
1399.95kps (Min)~3623.56kps (Mak)

Luas Bangunan:
2603.14kps (Min)~9707.97kps (Mak)



Urban Farming galak penyertaan masyarakat wujudkan persekitaran hijau



SEBAHAGIAN sayur-sayuran yang ditanam.

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

BATU UBAN – Bagi menggalakkan penyertaan masyarakat dalam inisiatif pertanian dalam bandar atau lebih dikenali sebagai *urban farming*, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin memulakan pendekatan tersebut dekat pusat khidmatnya dekat sini.

Menurutnya yang juga Ahli Parlimen (MP) Bayan Baru, *urban farming* mempunyai pelbagai impak positif kepada masyarakat sekiranya ia diusahakan dengan bersungguh-sungguh.

“Selain menangani kos barang keperluan yang tinggi, penanaman

sayur-sayuran sendiri adalah lebih selamat serta terjamin kerana tidak perlu risau tentang racun dan sebagainya.

“Pada masa sama, ia juga mampu menjadikan persekitaran lebih hijau dan berupaya mendidik anak-anak kita mengenai sains... mereka dapat melihat bagaimana pokok itu tumbuh melalui pengalamannya sendiri,” ujar beliau dalam satu sidang media dekat pusat khidmatnya di Jalan Sungai Dua 9 Ogos lalu.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kemajuan Sosial Malaysia (YKSM), Sumathi



SIM Tze Tzin (kanan sekali) menunjukkan pelbagai jenis baka nanas yang ditanam melalui kaedah *urban farming* di sini baru-baru ini.

Selvam dan Pengarah Projek bagi *urban farming* YKSM, Elia Mastura Kamaruddin.

Bayam, timun, terung dan nanas pelbagai baka merupakan antara tanaman yang diusahakan di pusat khidmat berkenaan.

Mengulas lanjut, Tze Tzin menyatakan bahawa empat

kawasan lain yang akan dijadikan sebagai projek perintis *urban farming* termasuk Sekolah Kebangsaan (SK) Permatang Damar Laut, SK Bayan Baru, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Permatang Damar Laut dan Dewan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bukit Gedung.

“Dua sekolah yang telah berjaya melaksanakan projek ini melalui Jabatan Pertanian ialah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SKJC) Kwang Hwa dengan penanaman sayur-sayuran; SK Sungai Nibong (sayur-sayuran) dan SJKC Phor Tay (agrotek),” jelasnya.

PERLUKAN MODAL TAMBAHAN?
INGIN KEMBANGKAN PERNIAGAAN?

DAPATKAN PINJAMAN PERNIAGAAN SEGERA!!!!
TANPA CAGARAN DAN PENJAMIN

MUDAH DAN TIDAK MEMBEANKAN

TERBUKA KEPADA SEMUA KAUM

SKIM PINJAMAN HARAPAN NEGERI PULAU PINANG

PINJAMAN
PERNIAGAAN DARI
RM 1 000.00
HINGGA
RM 25 000.00

**tertakluk kepada terma
dan syarat kelayakan yang
ditetapkan



SYARAT KELAYAKAN

- Warganegara Malaysia berumur 18 hingga 60 tahun
- Pengundi di Pulau Pinang
- Berniaga dan menetap di Pulau Pinang
- Mempunyai tempat perniagaan
- Menjalankan perniagaan melebihi 6 bulan
- Mempunyai Lesen Perniagaan/Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)
- Nama tidak disenarai hitam (CTOS)

HUBUNGI SEGERA:
BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN, PDC
Tel. 04-6340111 samb. 141/125/182/354/159/366

Nama ADUN	No Tel/ No Faks
N.26 PADANG KOTA YAB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
N.03 PINANG TUNGGAL YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman	(T) 04 - 575 6526 (F) 04 - 575 6526
N.16 PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 383 9131 (F) 04 - 383 9131
N.07 SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my ; pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
N.10 SEBERANG JAYA YB Dr. Affi Bahardin	(T) 04 - 390 5109 (F) 04 - 390 5109
N.15 PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028 (F) 04 - 530 3028
N.29 DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh Deo jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
N.37 BATU MAUNG YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain pusatkhidmatn3@gmail.com	(T) 04 - 626 1442 (F) 04 - 626 1442
N.08 BAGAN JERMAL YB Soon Lip Chee	(T) 04 - 331 0163
N.22 TANJONG BUNGA YB Zairil Khir Johari	(T) 04 - 890 3866
N.34 PAYA TERUBONG YB Yeah Soon Hin	(T) 04 - 827 8868 (F) 04 - 827 8868
N.28 KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
N.02 BERTAM YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq	(T) 013 - 430 6400 (P) 04 - 576 7606
N.06 TELOK AYER TAWAR YB Mustafa Kamal mustafakamal.mkba@gmail.com	(T) 04 - 351 1732
N.09 BAGAN DALAM YB Satees A/L Muniandy n9.bagandalam@gmail.com	(T) 04 - 313 3990
N.11 PERMATANG PASIR YB Muhammad Faiz Bin Fadzil faizfadzilamanah@gmail.com	(T) 04 - 521 1106
N.12 PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela_ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
N.13 BERAPIT YB Heng Lee Lee berapit@dappg.org	(T) 017 - 813 3509 (F) 04 - 540 0006
N.14 MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon kllee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
N.17 BUKIT TENGAH YB Gooi Hsiao-Leung gooihssiaoleung@penang.gov.my	(T) 04 - 507 5001 (F) 04 - 507 5001
N.18 BUKIT TAMBUN YB Goh Choon Aik	(T) 04 - 502 5818 (F) 04 - 506 2138
N.19 JAWI YB H'ng Mooi Lye jawi@dappg.org	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
N.20 SUNGAI BAKAP YB Dr. Amar Pritpal Abdullah ybadunsungaibakapn20@gmail.com	(T)
N.21 SUNGAI ACHEH YB Zulkifli Ibrahim n21adunsgacheh@gmail.com	(T)
N.23 AIR PUTIH YB Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
N.24 KEBUN BUNGA YB Jason Ong Khan Lee kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
N.25 PULAU TIKUS YB Lee Chun Kit pulautikus@dappg.org	(T) 04 - 228 5298 (F) 04 - 229 4294
N.27 PENGKALAN KOTA YB Gooi Zi Sen pengkalankota@dappg.org	(T) 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
N.30 SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim limsiewkhim@penang.gov.my	(T) 04 - 657 6630 (F) 04 - 658 6630
N.31 BATU LANCANG YB Ong Ah Teong batulancang@dappg.org	(T) 04 - 280 4411 (F) 04 - 280 4422
N.32 SERI DELIMA YB Syerleena Abdul Rashid 32seridelima@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 5611

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
N.33 AIR ITAM YB Joseph Ng Soon Siang airitam@dappg.org	(T) 04 - 829 9143
N.35 BATU UBAN YB Kumaresan A/L Aramugam kumar.harapan35@gmail.com	(T) 04 - 668 1062 (F) 04 - 668 1062
N.36 PANTAI JEREJAK YB Dato' Saifuddin Nasution	(T)
N.38 BAYAN LEPAS YB Azril Mahathir Aziz ambasegaria.aam@gmail.com	(T) 04 - 649 3976 (F) 04 - 649 3976
N.39 PULAU BETONG YB Haji Mohd. Tuah Ismail	(T) 04 - 866 0214
N.40 TELUK BAHANG YB Zolkify Md. Lazim	(T)
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115
-	(T)

NAMA ADUN PEMBANGKANG	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA YB Ustaz Yusni Mat Piah	(T)
N.04 PERMATANG BERANGAN YB Nor Hafizah Othman	(T)
N.05 SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T)
PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
N.01 PENAGA Md. Khalil Saleh novafast63@gmail.com	(T) 012 - 598 4881
N.04 PERMATANG BERANGAN Dato' Jasmin Mohamad jmmohamed002@gmail.com	(T) 018 - 468 6610
N.05 SUNGAI DUA Yusri Isahak ysrregnot@gmail.com	(T) 019 - 337 4055

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131 04-398 8809
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
OPERATOR ANTARABANGSA	101		
HOTLINE MBPP	04-263 7637	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
ANGKATAN PERTAHANAN AWAM	04-228 9012	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 1957	FERI (GEORGETOWN) (BUTTERWORTH)	04-210 2363 04-310 2377
KASTAM	04-262 2300	JAMBATAN PP	04-398 7419
IMIGRESEN	04-250 3419	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	CAP	04-829 9511
EPF	04-226 1000	BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161
SOCSCO	04-238 9888	PERPUSTAKAAN PP	04-281 1108 04-229 8555

Kalendar Pelancongan



Program-Program Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2019**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
Anuar Yusoff	016 - 461 6390
A'ziss Zainal Abiddin	017 - 938 9192
Cheen Goon Hooi	012 - 402 0923
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
Dr. Seow Kweng Tian	012 - 507 2229
Heng Yeh Shuan	016 - 261 2460
Jason Raj a/l Kirupanantha	014 - 905 8113
Johnson a/l Anthonysamy	012 - 424 5745
Kang Yau Chuang	010 - 829 3904
Khong Chee Seong	011 - 1522 6628
Kumaran A/L Krishnan	012 - 464 4697
Marshidaliza Marzuki	011 - 3929 9023
Mohd Saifullah Abd. Nasir	013 - 770 1001 013 - 503 3349
Mohd Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Mohamad Akmal Azhar	019 - 518 5145
Ong Jing Cheng	012 - 758 3779 016 - 445 5709
Ooi Yong Wooi	016 - 421 1196
Shuhada Abdul Rahim	010 - 380 7672
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tengku Rasidah Tengku Kamarudin	019 - 473 1323
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Zaini Awang	019 - 546 3115
Zulkiply Ishak	013 - 431 6161

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Yeap Choon Keong	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	013 - 449 0366
2.	Velan A/L Kalimuthu	Barat Daya		018 - 394 4537
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara		012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorthy	Seberang Perai Tengah		019 - 457 2271
5.	Vadi Velan A/L Subramaniam	Seberang Perai Selatan		011 - 1144 1816

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2019**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Ahmad Azrizal Tahir	019 - 541 4818
Aidi Akhbal Mohamed Zainon	012 - 464 3004
Azahari Aris	016 - 499 2580
Azli Ibrahim	011 - 2432 9007
Dr. Chee Heng Leng	017 - 333 9366
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Gerald Mak Mun Keong	016 - 452 6499
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Hari Krishnan a/l Ramakrishnan	010 - 505 5571
Harvindar Singh a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Kaliyappan a/l P. Renganathan	012 - 407 7276
Latifah Hussainsa	013 - 436 1999
Nurliyana Mohd Ramzi	011 - 3922 4080
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Ong Kean Peng	012 - 629 1133
Rohaizat Hamid	019 - 510 0075
Saiful Azwan Abd. Malik	016 - 463 2787
Shahrudin Mohamed Shariff	012 - 428 3160
Shung Yin Ni	012 - 413 9246
Tan Hooi Peng	012 - 498 6212
Tan Seng Keat	012 - 438 6191
Theng Jie Wey	016 - 418 7108
Vino Dini a/p Chandragason Pitchy	016 - 439 9358
Wong Yuee Harng	016 - 439 9121

**SIDANG REDAKSI
BULETIN MUTIARA**
Penulis:

YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

Jurugambar/Juruvideo:

LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

Jurugrafik:

IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,

Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Layari

 www.buletinmutiara.com
 [buletinmutiara](#) | ChowKonYeow

 [chowkonyeow](#)
 [@chowkonyeow](#)

Laksana tugas mencabar, tanggungjawab demi orang awam

MESKIPUN tanggal 11 Ogos 2019 merupakan cuti umum, namun bagi Skuad Pantas Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), mereka terpaksa melupakan seketika sambutan Hari Raya Aidiladha demi tuntutan tugas membersihkan sisa pokok tumbang akibat angin kencang yang melanda Pulau Pinang pada 9 Ogos lalu.

Walaupun tidak berpeluang menyambutnya bersama-sama keluarga, rata-rata ahli Skuad Pantas MBPP yang terdiri daripada pelbagai jabatan menyifatkan pengorbanan itu sebagai tanggungjawab yang diamanahkan dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada orang awam berdasarkan perkembangan dan tuntutan kerja semasa.

Wartawan Buletin Mutiara, **WATAWA NATAF ZULKIFLI** bersama-sama jurugambar, **DARWINA MOHD. DAUD** sempat bertemu dengan beberapa adi wira yang bertungkus-lumus memerlukan keringat melakukan kerja-kerja pembersihan pokok tumbang pasca angin kencang akibat tempias ‘Taufan Lekima’ baru-baru ini.



MOHAMAD Farhan Suadi.

Sekjak malam sebelum kejadian, **MOHAMAD FARHAN SUADI**, 26, dari Jabatan Perkhidmatan Perbandaran (JPP), MBPP telah menerima panggilan untuk bersiap-sedia.

Walaupun terpaksa bertugas ‘jauh’ di Batu Ferringhi, demi tugas dan perkembangan semasa kejadian, beliau memberanikan diri untuk keluar kerana memahami keadaan di kawasan terjejas lebih mendesak.

“Walaupun saya sudah biasa, pada mulanya saya agak berkira-kira untuk keluar. Memang keluarga pun ada pesan malam itu, keluar dengan berhati-hati, risau juga kalau ada pokok tumbang, tanah runtuh dan sebagainya.

“Kawasan rumah saya pun terkesan dengan taufan ini, tetapi saya perlu utamakan kawasan saya bertugas, memang skop kerja adalah meliputi kawasan dari Tanjung Bunga sampai ke Jalan Utama,” kongsinya yang sudah empat tahun berkhidmat di JPP.

Menyentuh mengenai sambutan Hari Raya Aidiladha, Mohamad Farhan menyatakan bahawa beliau terpaksa ‘korbankan’ hasrat meraikannya.

“Hari Raya baru ini memang tidak buat apa sangat, lepas habis sembahyang sunat raya, terus balik ke rumah tukar baju dan turun padang.

“Kita (Skuad Pantas MBPP) kena pastikan



KERJASAMA berpasukan Skuad Khas MBPP merupakan faktor penting dalam menjadikan kerja-kerja pembersihan berjalan dengan lancar dan cepat.

sisa-sisa pokok tumbang semua dibersihkan bagi menjamin trafik yang lancar dan bersih seperti sedia kala,” katanya yang percaya bahawa tanggungjawab yang diamanahkan bukanlah sesuatu yang sia-sia walaupun terpaksa bertugas semasa Hari Raya.

Turut berkongsi pengalaman, **AHMAD HAFIZ HAFELL**, 23, dari Jelutong yang juga salah seorang petugas Skuad Pantas MBPP.

“Suasana di luar selepas kejadian angin kencang adalah amat mencabar dan agak menakutkan dengan bekalan elektrik terputus, jadi lampu jalan pun tak menyala sebab ada kabel yang terputus.

“Sebelum keluar (bertugas) pun keluarga agak risau juga, tambahan pula ada pokok yang tumbang di kawasan rumah sini, memang bimbang.

“(Tetapi) tak apa sebab saya tahu ada rakan-rakan lain yang akan datang bantu memandangkan saya ditugaskan ke kawasan lain pada malam itu,” ujarnya.

Ketika diminta mengulas mengenai bidang tugas, Ahmad Hafiz mengakui adalah agak sukar dan mencabar, namun sudah menjadi asam garam dalam melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya sejak dua tahun lalu.

“Tugas macam kami (Skuad Pantas MBPP) ini memang nampak sukar, kerja yang mungkin orang lain tidak mahu buat pun, tetapi kalau bukan kami yang buat siapa lagi nak buat?

“Kunci utama dalam pelaksanaan kerja adalah perlu ikhlas, lama-lama kerelaan itu akan datang sendiri untuk kita sesuaikan diri dengan tugas ini.

“Macam hari ini pun, bila tengok banyak sampah, daun kering, dahan pokok yang sudah banyak dibersihkan... saya rasa lega. Macam satu kepuasan bagi saya dan pasukan kami kerana berjaya membersihkan kawasan yang terjejas,” jelasnya.

Dalam pada itu, Timbalan Pengarah I



AHMAD Hafiz Hafell.

Jabatan Khidmat Kemasyarakatan MBPP, **XAVIER SEBASTIAN** turut memuji kecekalan dan kesungguhan warga kerja piyah berkuasa tempatan (PBT) itu.

“Kesiapsiagaan mereka memang saya puji, walaupun ada dalam kalangan mereka ini yang sudah berpengalaman terlibat dalam kerja-kerja pembersihan pada tahun 2017 yang mana Pulau Pinang dilanda banjir besar.

“(Dan) hari ini (13 Ogos 2019), hampir 100 peratus sisa pokok tumbang dan lain-lain kerosakan telah berjaya dibersihkan kerana memang menjadi fokus MBPP tidak mahu ada halangan yang boleh menjelaskan trafik,” ujarnya ketika ditemui di lokasi pembersihan dekat Jalan Utama.

Xavier dalam pada itu turut memuji sikap masyarakat Pulau Pinang yang disifatkannya sebagai ringan tulang dalam membantu Skuad Pantas MBPP membersihkan sisasisa pokok tumbang demi kemudahan semua.

“Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua warga MBPP yang terus berjuang sehingga kini, begitu juga kepada pihak bomba (Bomba dan Penyelamat) yang turut membantu, polis (Polis Diraja Malaysia), Angkatan Pertahanan Awam (APM) serta agensi-agensi lain yang mengorbankan masa dan keringat dalam memastikan kesejahteraan Pulau Pinang,” zahirnya.

Bagi Pembantu Kesihatan Awam Kanan MBPP, **S. SIVA SANKAR** yang turut turun padang memantau kerja-kerja pembersihan juga memuji kesungguhan Skuad Pantas MBPP.

“Mereka sangat bersemangat sungguhpun kita tahu ada kawasan rumah mereka sendiri yang turut terjejas...mungkin penganugerahan pingat atau apa-apa penghargaan daripada Kerajaan Negeri akan sedikit-sebanyak menaikkan lagi semangat mereka,” cadangnya yang turut memuji Datuk Bandar MBPP, Dato’ Ar. Yew Tung Seang dan Setiausaha Bandaraya, Dato’ Ir. Addnan Mohd. Razali yang tidak putus-potus memberikan sokongan moral.

Dalam perkembangan berkaitan, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo turut memuji tindakan pantas PBT, MBPP dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam menangani situasi getir susulan tempias taufan yang membadaui Pulau Pinang baru-baru ini.

Di bahagian pulau, sebanyak 236 lokasi pokok tumbang dilaporkan sehingga 13 Ogos lalu membabitkan lebih 83.24 ton sisa dihantar ke Pusat Pemindahan Sampah di Batu Maung.

Manakala, di Seberang Perai direkodkan sehingga 15 Ogos lalu, 449 batang pokok tumbang di 379 lokasi.

Sekalang penghargaan dan syabas kepada warga MBPP dan MPSP yang bertungkus lumus memulihkan keadaan!

365 ‘Wira Oren’ korban sambutan Aidiladha laksana pembersihan demi keselesaan Seberang Perai

YANG di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato’ Sr. Rozali Mohamud menzahirkan ucapan syabas kepada 365 ‘Wira Oren’ pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan yang terpaksa mengorbankan sambutan Hari Raya Aidiladha demi melaksanakan kerja pembersihan akibat tempias Taufan Lekima sejak 9 Ogos lalu.

“Sebanyak 412 batang pokok telah dilaporkan tumbang di 343 lokasi.

“Daripada jumlah tersebut, sebanyak 395 batang (pokok) telah dipotong dan dialihkan daripada gangguan lalu lintas serta 252 (batang pokok) daripadanya telah dibersihkan dan diangkut ke tapak pelupusan.

“Selain itu, dalam tempoh 12 jam, kita (MPSP) telah berjaya mengalihkan semua pokok-pokok yang menghalang lalu lintas dengan bantuan tujuh pasukan *Community Emergency Response Team* (CERT) di seluruh Seberang Perai,” katanya semasa turun padang melihat kerja-kerja pembersihan yang dijalankan di Kubang Semang baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Rozali turut menasihati warga Seberang Perai agar tidak membuang sampah kerana ia akan menyukarkan lagi kerja-kerja pembersihan terutamanya ketika waktu hujan.

“Saya memberi jaminan kepada penduduk (Seberang Perai) bahawa kita (MPSP) mempunyai tenaga kerja yang cukup dalam menghadapi bencana.

“Namun, pada masa sama, Majlis mengharapkan kerjasama dan kesedaran sivik daripada penduduk Seberang Perai untuk bersama-sama menjaga alam sekitar,” serunya.

Sementara itu, wartawan Buletin Mutiara, **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN** dan jurugambar, **NOOR**

SITI NABILAH NOORAZIS dan **NUR AMIRAH HUSNA ROSLAN** sempat menemubual beberapa ‘Wira Oren’ bagi menyelami pengalaman mereka.



NAZARI Rahim.

Bagi **NAZARI RAHIM**, 48, menganggap tugasnya untuk membersihkan kawasan terjejas akibat tempias Taufan Lekima sebagai suatu pengorbanan ketika umat Islam lain meraikan Hari Raya Aidiladha.

“Hari Raya Korban ini, kami (MPSP) dikira sebagai berkordan juga... saya memang bekerja pada hari kejadian sampailah hari ini meliputi kawasan Seberang Perai Tengah (SPT), Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Selatan (SPS).

“Kami (MPSP) membuat kerja-kerja pembersihan terutamanya bagi mengalihkan pokok-pokok tumbang yang mengakibatkan kerosakan bumbung dan juga menghalang lalu lintas,” ujarnya yang sudah lapan tahun berkhidmat dengan PBT berkenaan.

MOHD ALLIF YUSOH, 33, turut berkongsi pengalaman sama apabila terpaksa bekerja pada Aidiladha lalu, namun menyifatkan

SR. Rozali Mohamud (kanan sekali) turut membantu memotong batang pokok yang tumbang ketika turun padang memantau kerja-kerja pembersihan yang dijalankan.



MOHD. Allif Yusoh.

itu sebagai tanggungjawab beliau demi keselesaan orang ramai.

“Dalam jam 10:30 malam, tiba-tiba ribut melanda kawasan ini dan saya bersama-sama rakan-rakan lain sudah bersiap sedia jika ada pokok tumbang dan sebagainya, apabila dimaklumkan sahaja, kami

pun mulakan tugas dari malam kejadian sehingga ke hari ini.

“Sambut Hari Raya Aidiladha pun, di tempat kerja, memandangkan kampung saya hanya di Pengkalan Tambang,” jelasnya.

Manakala, **MOHD. SUFIAN ISHAK**, 32, turut berkongsi pengalaman beliau sepanjang berkhidmat selama tujuh tahun dengan MPSP.

Menurutnya, semasa kejadian ribut tersebut, beliau sememangnya berada di rumah sehingga mendapat panggilan daripada ketua jabatan untuk bertugas.

“Hingga ke hari ini, saya bersama-sama rakan-rakan yang lain masih menjalankan operasi pembersihan seperti memotong pokok tumbang.

“Hari Raya pula, seperti rakan-rakan lain, kami tidak beraya dan tugas itu merupakan satu pengorbanan buat kami,

alhamduillah, keluarga saya memahami tugas serta tanggungjawab sebagai salah seorang pekerja bahagian pengurusan krisis,” luah Mohd. Sufian.



MOHD. Sufian Ishak.



‘WIRA-wira Oren’ bertungkus-lumus membersihkan pokok-pokok yang tumbang akibat tempias Taufan Lekima.





IR. Shukri Muslim (kanan) dalam sesi bual santai bersama-sama Zairil Khir Johari di Kafetaria Canteen dekat George Town baru-baru ini.

Rancang laksana IRBM, ganda kempen Sungai Nadi Kehidupan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

PULAU PINANG juga perlu menggandakan lagi kerja-kerja pembersihan sungai seperti Sungai Klang dekat Kuala Lumpur - Selangor sejak lebih sedekad lepas, di bawah program Sungai Nadi Kehidupan atau *River of Life* (ROL) demi menepati indeks kualiti air bersih sungai.

Demikian kata Ir. Shukri Muslim, yang baru dilantik sebagai Pengarah Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang.

Beliau adalah jurutera berpengalaman khusus dalam sektor pembangunan sumber air serta pernah menjawat jawatan sebagai Jurutera Daerah Klang pada hujung tahun 1990-an dahulu.

“Saya antara yang awal membuat IRBM (*Integrated River Basin Management*) ini dalam projek ROL, yang mana lebih 20 agensi terlibat.

“Semua agensi mempunyai peranan masing-masing, JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran) ada peranan sendiri, (Dewan Bandaraya (Kuala Lumpur, DBKL) ada peranannya sendiri, Jabatan Veterinar ada peranannya, Jabatan Landskap dan Pejabat Tanah (dan Galian, PTG) juga ada peranannya.

“Ini lah pihak (agensi-agensi) yang perlu diintegrasikan, kita memerlukan mesyuarat tiap-tiap bulan.

“Apabila saya menjelak kaki di Pulau Pinang sebagai pengarah JPS negeri, saya lihat IRBM boleh dilaksanakan,” jelasnya dalam sesi bual bicara santai bersama-sama Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari pada 15 Ogos 2019.

Menurut Shukri, pelaksanaan konsep IRBM adalah bertujuan memastikan empat komponen iaitu kecukupan bekalan air, kualiti air bersih, mengurangkan risiko banjir dan kelestarian alam semula jadi.

“Kadang-kadang, kita hanya fokus kepada salah satu komponen sahaja, tapi mengabaikan elemen seperti alam semula jadi, kita tidak hiraukan apa yang berlaku kepada haiwan (seperti) buaya dan habitat lain dalam sungai.

“Jadi, saya rasa (JPS negeri), kita perlu memperkasakan lagi IRBM ini...beberapa kawasan tадahan di Lembangan Sungai Pinang ini, kita cuba laksanakan konsep IRBM ini,” ujarnya.

Demi menjayakan konsep IRBM berkaitan, beliau berkata, bahawa komuniti setempat perlu dilibatkan juga.

“Kalau agensi-agensi saya sahaja terlibat, IRBM ini tidak ke mana, mesti kena melibatkan komuniti sebagaimana program ROL di Kuala Lumpur yang melibatkan NGO (pertubuhan bukan kerajaan).

“(Di bawah program ROL ini), penduduk, peniaga pasar malam, bengkel-bengkel baiki kereta pun terlibat, tiap-tiap pihak terlibat kerana IRBM menggariskan fungsi serta peranan semua pihak secara berperingkat,” katanya.

Justeru, Shukri menyatakan bahawa pelaksanaan IRBM ROL di Pulau Pinang mungkin akan memberi tumpuan kepada salah satu batang anak sungai daripada Lembangan Sungai Pinang.

“Masa kita buat ROL di Kuala Lumpur pun, ada ramai yang protes, mereka kata ‘susah lah!’, tapi berdasarkan hasil kaji-selidik IRBM mendapat bahawa semua kelompok sasaran telah mengubah tabiat mereka, sekarang,” jelasnya.

“Kalau sebelum ini mereka membuang sampah di atas jalan, selepas kempen ROL ini, mereka tidak buat sebegini lagi kerana mereka tahu akhirnya akan mencemar sungai, sistem saliran yang tersumbat akan mengakibatkan banjir di kawasan penempatan penduduk juga,” ujarnya sambil memberitahu bahawa kempen ROL mesti sampai ke peringkat pelajar sekolah rendah serta (sekolah) menengah.

Menyambut saranan Shukri, Zairil menambah bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sejak tahun 2008 memang memberi tumpuan kepada agenda mengurangkan risiko banjir, selain menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri yang bersih, hijau, selamat dan sihat.

Berpaksikan kepada Visi Penang2030, Zairil berkata bahawa pihaknya turut berhasrat menerapkan elemen teknologi hijau dalam agenda mengurangkan risiko banjir terutama di sekitar Lembangan Sungai Pinang dengan luas kawasan penduduk kira-kira 50 kilometer persegi.

“(Lembangan Sungai Pinang ini) membabitkan anak-anak sungai seperti Sungai Jelutong, Sungai Ayer Itam, Sungai Air Putih, Sungai Dondong dan Sungai Air Terjun, yang mana semua air sungai ini akan mengalir ke sungai induk iaitu Sungai Pinang.

“Lembangan (Sungai Pinang) ini adalah kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk begitu tinggi. Oleh itu, apabila berlaku banjir, kesannya adalah amat besar kepada penduduk dan bandar raya George Town.

“Saya secara peribadi mahukan sesuatu sejarar dengan Visi Penang2030 yang telah diumumkan oleh Ketua Menteri (Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow), kita nak ke arah projek-projek ataupun solusi-solusi yang lebih hijau, lestari dan mapan iaitu dengan menggunakan teknologi hijau.

“Antaranya, sistem pengumpulan serta penggunaan semula air hujan (*rain water harvesting*), *rain gardens*, sistem kolam takungan bawah tanah, sistem lantai yang boleh cepat menyerap takungan air.

“Dengan teknologi-teknologi hijau ini, sebenarnya dapat

membantu. Sebab, antara masalah yang kita (Kerajaan Negeri) hadapi di Pulau Pinang adalah kekurangan kawasan lapang.

“Kalau ada kawasan lapang yang besar, kita boleh jadikan kolam takungan air, tapi kalau tidak ada (kawasan lapang yang luas), macam mana kita nak buat, antara penyelesaiannya adalah kita buat kolam takungan (air) bawah tanah iaitu tangki takungan air bawah tanah yang diwujudkan di banyak negara seperti Singapura, negara-negara Eropah dan juga di Thailand serta Jepun juga,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga.

Zairil dalam pada itu turut memberitahu Shukri bahawa proses menyediakan pelan reka bentuk projek fasa pertama Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Lembangan Sungai Pinang dijangka pada pertengahan tahun 2020, sebelum kerja-kerja pemajuan dilakukan dengan kos keseluruhan sebanyak RM150 juta.

“Setelah siap reka bentuk, maka opsyen-opsyen akan dipilih oleh JPS Pusat dengan perbincangan bersama-sama Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

“Setelah dipilih opsyen reka bentuk, maka proses tender akan dibuat (dengan memilih) kontraktor bagi pelaksanaan projek tersebut bagi fasa pertama.

“Projek untuk menangani masalah banjir di Lembangan Sungai Pinang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, maka, (fasa pertama projek) ini adalah projek JPS Pusat,” ujarnya.

Menurut beliau, birokrasi antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bertambah lancar apabila Pakatan Harapan turut menguasai Putrajaya pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14), 9 Mei 2018.

“Alhamdulillah, setelah Kerajaan (Pakatan Harapan) baru mengambil alih pada tahun lepas (9 Mei 2018), maka, ada peruntukan kewangan yang telah diberikan.

“Untuk Pulau Pinang, saya rasa ada banyak lagi projek-projek yang perlu diberikan perhatian, khususnya di bahagian Seberang Perai juga.

“Seperti saya sebut, dalam setahun dua (tahun) ini, banyak peruntukan diluluskan untuk Pulau Pinang... ada (peruntukan) tambahan RM50 juta juga untuk Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Teluk Kumbar, Pondok Upeh, Teluk Bahang dan Sungai Kecil (di bahagian) Seberang Perai juga.

“Kita mengharapkan dalam Belanjawan 2020 yang bakal diumumkan pada bulan Oktober oleh Menteri Kewangan (Lim Guan Eng) akan ada berita baik untuk Pulau Pinang dari segi peruntukan (menangani) banjir,” ulas Zairil.



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang

Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627

Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 1421 : LIM ENG LIONG - 71030807**** NO. 6 JALAN SETIA IMPIAN U13/2, SHAH ALAM 40170 SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 1467 : ANBALAHAN A/L M SHANMUGAM - 64022307**** 115 PADANG TAMAT, PENGKALAN HULU 33100 PERAK	No Akaun Peminjam	: 1472 : HENG GUAN KENG - 68091407**** 1A-09-02 PLATINO CONDOMINIUM, NO. 1 PERSIARAN TUNKU KUDIN 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 1504 : PARIMALA A/P VADIVELLOO - 69091907**** NO. 16 JALAN SAUJANA 1/5, TAMAN SAUJANA INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM MUNIANDY A/L GOVINDASAMY - 62042007****
Penjamin 1	: LIM PENG YAK - (MENINGGAL DUNIA) 3257 JALAN KILANG 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 1	: ABDUL MANAF BIN MEERASA - 64052607**** 5-2-4 PRIMA VIEW, LEBUH NIPAH 2, SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: HENG THENG HEE - 53021571**** 16 TINGKAT KURAU 4, CHAI LENG PARK 13700 PRAI	Penjamin 1	: 1504 : PARIMALA A/P VADIVELLOO - 69091907**** NO. 16 JALAN SAUJANA 1/5, TAMAN SAUJANA INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM MUNIANDY A/L GOVINDASAMY - 62042007****
Penjamin 2	: YEOH KOK WAH - (MENINGGAL DUNIA) NO.2 LORONG KAYA 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 2	: BANDURNGU A/L RANGOTAVA - 55042107**** 543 JALAN S2 D19, TAMAN ACACIA CITY HOMES SEREMBAN 2, 70300 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN	Penjamin 2	: HENG THENG HAI - 61050207**** NO. 18 LORONG SEMBILANG 33, 13700 SEBERANG JAYA, PERAI	Penjamin 2	: IBU PEJABAT POLIS DAERAH KLANG, JALAN GEDUNG RAJA ABDULLAH 41560 KLANG, SELANGOR
No Akaun Peminjam	: 1559 : ZULKIFLY BIN OTHMAN - 72022507**** NO. 624 PERMATANG RAMBAI 13100 PENAGA, SPU	No Akaun Peminjam	: 1611 : WAN SHAFIZAH BINTI HUSSAIN - 71110607**** NO. 13 JALAN CHENG PERDANA 1/32A, TAMAN CHENG PERDANA 75250 CHENG, MELAKA	No Akaun Peminjam	: 1639 : SHANMUGA SUNDARAM A/L MURUGASON - 71051507**** NO. 3 LORONG MARKISAH 4, TAMAN MARKISAH, BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 1683 : FONG YOKE THENG - 70010607**** BLOK A1-3 EVERGREEN PARK CONDOMINIUM, BANDAR SUNGAI LONG, KAJANG 43000 SELANGOR
Penjamin 1	: ROBIAH BT CHE MAT - 57021507**** NO. 624 PERMATANG RAMBAI 13100 PENAGA, SPU	Penjamin 1	: ZAHARAH BT MAAROF - 49120807**** 1130 LORONG 7C/4, TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 1	: GUNA SEKARAN A/L KALLIAPPAN - 64012907**** NO.8 LORONG BAKAWALI 4, TAMAN BAKAWALI 13300 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 1	: 1683 : FONG YOKE THENG - 70010607**** BLOK A1-3 EVERGREEN PARK CONDOMINIUM, BANDAR SUNGAI LONG, KAJANG 43000 SELANGOR
Penjamin 2	: MAIYAH BINTI OTHMAN - 51051407**** SB 6289 UNIT 1 BUKIT MINYAK 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: SHARIFF ZAINOL BIN SHARIFF HUSSAIN - 62012507**** NO. 301 IN KAMPUNG MAKAM, DATO KRAMAT ROAD 10150 PULAU PINANG	Penjamin 2	: SUNKUMAR A/L AYAVOO - 64051707**** BLOK G-1-10 JALAN SEMBILANG 14, TAMAN DESA CEMARA 13700 SEBERANG JAYA	Penjamin 2	: 1-B LINTANG PAYA TERUBONG 5, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG LEE THUAN CHEANG - 43121507**** 39 SOLOK MINDEN 1, MINDEN GARDENS RESIDENCE 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 1721 : OOI CHOK SIEW - 69022407**** 17 JALAN PANTAI JERIAK 15, TAMAN SAW KIT, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 1790 : AZIZEE BIN AHMAD - 70101307**** NO. 8 LORONG KASAWARI 10, TAMAN KASAWARI 14100 SIMPANG AMPAT, SPS	No Akaun Peminjam	: 1791 : MUHAMMAD BIN HASHIM - 72060602**** NO. 31 LORONG ANGERIK, TAMAN HARMONI, KULIM 09000 KEDAH	No Akaun Peminjam	: 1792 : NAZIMAH BINTI MOHAMED MYDIN - 72041807**** 2B-4-10 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJAH REHMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 1	: FOO KOK YONG - 51051407**** NO.368 JALAN BATU MAUNG 11960 PULAU PINANG	Penjamin 1	: ADZHAR BIN AHMAD - 62030907**** 43 LORONG BAGAN LALLANG 15, TAMAN BAGAN LALLANG 13400 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: ARABI BIN SULAIMAN - 48070702**** NO. 118 LORONG CENGAI BATU, TAMAN BERSATU 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 1	: MD IQBAL BIN MOHD MADAR - (MENINGGAL DUNIA) NO. 6 LINTANG BUKIT KECIL 5, TAMAN SRI NIBONG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2	: LIM CHEW LAY - 64122807**** 118 B4-9-1 PUTRA PLACE CONDOMINIUM, PERSIARAN BAYAN INDAH, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: ILIAS BIN TAHIR - RF55**** BLOK 13 G-1 PERMATANG DAMAR LAUT 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: MOHD RASHID BIN HJ HASSAN - (MENINGGAL DUNIA) NO. 129 LORONG CENGAI BATU, TAMAN BERSATU 09000 KULIM, KEDAH	Penjamin 2	: 2A-03-07 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJAH REHMAH 11600 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 1794 : NG BOON SENG - 69070507**** 169C PERSIARAN PEGAGA, BAYU PERDANA, KLANG, 41200	No Akaun Peminjam	: 1805 : TEO CHIN WAH - 69110607**** NO. 58-A JALAN RANGOON 10400 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 1807 : LEE CHONG CHAI - 68060707**** NO. 474 MK 4 BATU ITAM, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 1815 : VIJAYAKUMARAN A/L LECHUMANAN - 67060808**** NO.24 LORONG BIDARA 15, TAMAN BIDARA, MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM THANGAMANI A/L PITCHAYMUTHU - 56110807****
Penjamin 1	: NG BAK KEE - (MENINGGAL DUNIA) NO. 17 TINGKAT SENTOSA, 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 1	: CHONG WOON KHOON - 53021507**** M5-3-3 LORONG MAHUSIR 12, 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: KHOO KEAN BENG - 64062007**** 73B-2-1 LEBUHRAYA JELUTONG, CENTRAL PARK, JELUTONG 10500 PULAU PINANG	Penjamin 1	: 1815 : VIJAYAKUMARAN A/L LECHUMANAN - 67060808**** NO.24 LORONG BIDARA 15, TAMAN BIDARA, MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM THANGAMANI A/L PITCHAYMUTHU - 56110807****
Penjamin 2	: TEOW MOI SENG - 57052502**** 25 JALAN STESEN, 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 2	: TEO CHIN TONG - 59091107**** 42 JALAN 3/17, PINGGIOR TEMPLER 68100 BATU CAVES, SELANGOR	Penjamin 2	: TAN KIM HOE - (MENINGGAL DUNIA) 102-C JALAN BATU GANTUNG 10450 PULAU PINANG	Penjamin 2	: 12 LORONG SIAKAP 38, 13700 SEBERANG JAYA DHARMLINGAM A/L DORAISAMY - 55082308**** 126 KAMPUNG MANIS 13600 PERAI
No Akaun Peminjam	: 1824 : SURESH A/L VEERASAMY - 73092407**** NO. 92 SOLOK KIKIK 2, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI	No Akaun Peminjam	: 1841 : LAI TECK BENG - 72030507**** 4910 TINGKAT SELAMAT 6, KAMPUNG SELAMAT 13300 TASEK GELUGOR, SPU	No Akaun Peminjam	: 1865 : LIM SENG HUP - 70082107**** 28 LORONG KURAU 15, CHAI LENG PARK 13700 PERAI	No Akaun Peminjam	: 1927 : MOHAMAD IZAHAM BIN MOHAMED YATIM - 72071307**** NO. 87-A JALAN SUNGAI, SUNGAI PINANG 10150 PULAU PINANG
Penjamin 1	: RATHAMANI A/P MURUGIAH - (MENINGGAL DUNIA) NO. 41 JALAN BUNGA RAYA A, KUMBANG, TAIPING 34000 PERAK	Penjamin 1	: KONG FOONG KIEW @ KONG OIL LIN - 46120610**** 20 LINTANG SEPAKAT, TAMAN BANDAR BARU 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: LIM KIM SAN - 39021507**** NO. 3 LORONG PASAR 1, 13300 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 1	: 1927 : MOHAMAD IZAHAM BIN MOHAMED YATIM - 72071307**** NO. 87-A JALAN SUNGAI PINANG 10150 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2	: LIM SIEW KEAM - 56021208**** NO. L2 JALAN RAJAWALI, TAMAN BERJAYA 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 2	: KHOO BU KE @ KHOO BU KEAT - 56030402**** 4076 JALAN DATUK HJ AHMAD BADAWI 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: TAN SIEW KEOK - 43021707**** NO. 225 JALAN RAYA 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: 1927 : MOHAMAD IZAHAM BIN MOHAMED YATIM - 72071307**** NO. 87-A JALAN SUNGAI, SUNGAI PINANG 10150 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 1935 : ROHANA BINTI ABDUL GHANI - 71080307**** 94 JALAN MAWAR 2, TAMAN MAWAR, FASA 1, 06000 JITRA, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 1939 : MOHAMAD ROSLI BIN YUSOFF - 72050907**** 20 MUKIM 7 PULAU BETONG, BALIK PULAU 11020 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 2018 : CHIEW YOU BOK - 70061607**** 37A SOLOK KEJORA 2, ALILA HOMES, TANJONG BUNGAH 11200 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 2038 : TAN BEE AI - 69071907**** NO. 7 JALAN REBAB 3, TAMAN DESA TEBRAU 81100 JOHOR BAHRU, JOHOR
Penjamin 1	: HASNAH BINTI YUSOF - 64011603**** 17 JALAN NIKEL SATU 7/26A, SEKSYEN 7, SHAH ALAM 40000 SELANGOR	Penjamin 1	: NORHAYATI BT YUSOFF - 65100107**** NO. 43 LORONG SERI EMAS 8, TAMAN SERI EMAS 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 1	: ONG SOO ENG - 51080607**** 91 JALAN INDAH, TAMAN SRI BUKIT INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: 2038 : TAN BEE AI - 69071907**** NO. 7 JALAN REBAB 3, TAMAN DESA TEBRAU 81100 JOHOR BAHRU, JOHOR
Penjamin 2	: AZAHAR BIN ABDUL GHANI - 68041607**** 26 LORONG SERI INDAH 5, TAMAN SERI INDAH, KAMPUNG PAYA 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: ZAINOL NAHAR BIN BAKAR - 6101207**** NO. 11A KAMPUNG BATAS, MUKIM TEMIN, CHANGLOON 06010 KEDAH	Penjamin 2	: CHOO LAI HOO - 4086*** 1984 JALAN BUKIT MINYAK, KAW. INDUSTRI RINGAN ASASJAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: 2038 : TAN BEE AI - 69071907**** NO. 7 JALAN REBAB 3, TAMAN DESA TEBRAU 81100 JOHOR BAHRU, JOHOR
No Akaun Peminjam	: 2044 : GOH SIEW HEONG - 70101007**** 203-1 JALAN PAYA TERUBONG 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 2122 : FADZINU AULLA BIN MOHAMED - 70120107**** 2-06-E LORONG MACHANG BUBOK 34, TAMAN MACHANG BUBOK 14020 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 2129 : SHAMSUL BAHARI BIN ABDUL MAJID - 70030405**** BLOK 1-1-7, RUMAH PANGSA MAK MANDIN SATU 13400 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 2157 : ARIVALAN A/L RAMAIYAH - 69071007**** NO. 5 LORONG SELAYANG INDAH 6, TAMAN SELAYANG INDAH, 13200 BUTTERWORTH
Penjamin 1	: LOW KOOI CHOOH - 60013007**** 20-13-2 LORONG DAMAI, DAMAI VISTA, JELUTONG 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: AZHAR BIN AHMAD - 64020607**** NO.1269 PASIR GEBU 13110 PENAGA, SPU	Penjamin 1	: JAMALUDIN BIN JAFFAR - 49080607**** LOT 56 KAMPUNG BARU, MAK MANDIN 14300 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: 2157 : ARIVALAN A/L RAMAIYAH - 69071007**** NO. 5 LORONG SELAYANG INDAH 6, TAMAN SELAYANG INDAH, 13200 BUTTERWORTH
Penjamin 2	: LEE WAT GUAN - (MENINGGAL DUNIA) 408-C JALAN TAMAN CANTIK 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2	: SITI FATIMAH BT MOHAMED - 66022607**** NO.1269 PASIR GEBU 13110 PENAGA, SPU	Penjamin 2	: ISHAK BIN ISMAIL - 56120607**** NO. 81 MUKIM 4, 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 2	: 2157 : ARIVALAN A/L RAMAIYAH - 69071007**** NO. 5 LORONG SELAYANG INDAH 6, TAMAN SELAYANG INDAH, 13200 BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam	: 2168 : BONNIE ANG SWIE CHIEN - 69020907**** B-11-13A DYNASTY GARDEN CONDO, NO. 5 JALAN KUCHAI MAJU 12, 58200 KUCHAI ENTERPRENEUR PARK, KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam	: 2218 : LEONG PEI KUAN - 71090107**** NO. 6, LORONG 6/SS2, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG EMPAT, SPS	No Akaun Peminjam	: 2249 : LIM CHONG SENG - 63111607**** 8 JALAN CEMPASA SD 12/4A, BANDAR SRI DAMANSARA 52200 KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam	: 2295 : FAIZULL BIN NAZIR - 74093007**** NO. 720 LORONG NILAM 4/3, TAMAN DELIMA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1	: LIM PENG HONG - 51060808**** NO.61 LORONG RUSA 5, TAMAN SELAMAT 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: TAN BEE LEAN - 6715*** 24 TINGKAT KIKIK 2, TAMAN INDERAWASIH 13600 PRAI	Penjamin 1	: LIM CHOON HEE - 65061907**** NO. 112 JALAN MERAK 2, TAMAN MERAK 14110 SIMPANG AMPAT, SPS	Penjamin 1	: 2295 : FAIZULL BIN NAZIR - 74093007**** NO. 720 LORONG NILAM 4/3, TAMAN DELIMA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2	: NG BAK KEE - 0998*** NO. 17 TINGKAT SENTOSA, TAMAN SENTOSA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: MA FOONG SIM - 5908*** 130 TINGKAT KURAU 2, CHAI LENG PARK 13700 PERAI	Penjamin 2	: PHOON YEW FOOK - (MENINGGAL DUNIA) NO.63 SARI 3, TAMAN CEMPASA 31400 IPOH, PERAK	Penjamin 2	: 2295 : FAIZULL BIN NAZIR - 74093007**** NO. 720 LORONG NILAM 4/3, TAMAN DELIMA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

Hayati tema Hari Kebangsaan erat hubungan rakyat berbilang kaum

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
 Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

GEORGE TOWN - ‘Sayangi Malaysiaku, Malaysia Bersih’ telah diangkat sebagai tema sambutan Hari Kebangsaan tahun 2019 bagi menekankan kepentingan perpaduan serta semangat cintakan negara demi kesejahteraan dan kemakmuran bersama.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata, pemilihan tema tersebut bertepatan dalam merapatkan hubungan rakyat yang berbilang kaum di negara ini.

“Hari Kebangsaan bukan semata-mata diraikan bagi mengenang jasa tokoh-tokoh yang memainkan peranan penting bagi memastikan negara kita mencapai kemerdekaan.

“(Tetapi) juga mengingatkan kita semua betapa pentingnya rakyat berbilang kaum di negara ini harus menyayangi Malaysia, tanah air kita,” ucapnya pada Majlis Sambutan Hari Kebangsaan 2019 anjuran Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) Parlimen Tanjong dan Persatuan Kemajuan Wanita (Perjuanita) Persatuan Muslim Bersatu (UMA) Pulau Pinang di sini 25 Ogos lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang serta barisan Pengerusi dan ahli JPWK Padang Kota, Pengkalan Kota dan Komtar (di bawah Parlimen Tanjong).

Melalui sambutan Hari Kebangsaan, Kon Yeow yakin ia dapat mengeratkan lagi hubungan rakyat berbilang kaum di



TOH Puan Majimor Shariff (bertudung hijau) sambil diiringi Ketua Menteri dan barisan pengajur teruja melihat salah seorang kanak-kanak mengendalikan robot yang dipamerkan bersempena Majlis Sambutan Hari Kebangsaan 2019 anjuran JPWK Parlimen Tanjong dan Perjuanita UMA Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

negara ini.

“Negara kita sudah 62 tahun mencapai kemerdekaan, dan keharmonian yang terhasil adalah daripada semangat perpaduan yang wujud antara rakyat Malaysia.

“(Dan) inilah satu keistimewaan serta daya tarikan bukan sahaja buat pelabur asing tetapi juga pelawat serta pelancong dari luar negara yang datang ke Malaysia.

“Jadi, saya berharap agar semua rakyat Malaysia khasnya

di Pulau Pinang dapat menghayati tema sambutan tahun ini dan meraikannya dengan penuh rasa bangga,” katanya yang turut menzahirkan penghargaan kepada jawatankuasa pengajur kerana berjaya menggembung tenaga mengadakan majlis sambutan berkaitan.

Toh Puan Dato’ Seri Utama Majimor Shariff, isteri kepada Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, hadir bagi menyempurnakan lafadz perasmian serta menyampaikan sijil penghargaan kepada barisan penaja dan pengajur.

Usai perasmian, Majimor berkenan meluangkan masa melawat ke ruang pameran yang disertai oleh pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) serta badan korporat sambil ditemani oleh Kon Yeow dan barisan tetamu lain.

Terdahulu, majlis diserikan dengan persembahan ‘Tarian Muhibah’ daripada kanak-kanak kurang upaya (OKU), deklamasi sajak ‘Malaya Pasti Merdeka’, tarian kebudayaan dan tradisi kaum yang terdapat di Malaysia serta nyanyian lagu patriotik.

Majlis sambutan yang bermula seawal jam 8 pagi itu juga sarat dengan pelbagai aktiviti antaranya pertandingan mewarna, pemeriksaan kesihatan, cabutan bertuah dan paling mencuri tumpuan adalah persembahan keselamatan daripada pasukan Bomba.

Difahamkan, majlis sambutan berkenaan merupakan yang julung kali diadakan serta dikelola sepenuhnya oleh JPWK Padang Kota, Komtar dan Pengkalan Kota.

Sebagai rekor, JPWK ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri dalam memperkasakan peranan wanita dalam pembangunan negeri yang mana keanggotaannya adalah 100 peratus wanita setempat.

TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>



Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 2420 : MOHAMMAD FAUZI BIN ISMAIL - 73101607**** NO. 14 PINTAS BERANI 4, JALAN MOHD SAAD, BAGAN JERMAL 12300 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 2451 : AMRAN BIN ABDULLAH - 74052007**** B-16 RUMAH TRANSIT 2, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 2460 : ARMIY RAIS B AHMAD SHARIFUDIN - 71031308**** 39 JALAN BIRAI U8/1, BUKIT JELUTONG, SHAH ALAM 40150 SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 2536 : SARAVANAN A/L SUBARAMANIAM - 70091407**** IBU PEJABAT POLIS DAERAH, LABUAN 87007 SABAH
Penjamin 1	: MOHAMAD AKHIR BIN MUSTAFFA - 64072802**** C02-6 KONDOMINIUM MUTIARA, JALAN PERDA BARAT 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: MOHD NORDIN BIN SIROON - 59052307**** M-G-15 PANGSAPURI, TANJUNG TOKONG, FASA 4A, 10470 PULAU PINANG	Penjamin 1	: HAFIZDI BIN ABDULLAH - 57120708**** NO. 1 JALAN MARKISA, KAMPUNG JAMBU 34000 TAIPING, PERAK	Penjamin 1	: SHANMUGAM A/L SUBRAYAN - 64070302**** 8681 POKOK MACHANG 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2	: ZAINOL BIN ABDUL KARIM - 55120507**** 5-2-2 PANGSAPURI PRIMA VIEW, LEBUH NIPAH 2, SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 2	: MARZUKI BIN ABIDIN - 66012709**** NO. 14 BLOK F TAMAN SRI TANJONG, BEHOR LATEH, KANGAR 01000 PERLIS	Penjamin 2	: NOR AZNI BIN NORDIN - 54050108**** NO. 237 LORONG 16, TAMAN SRI KOTA 2, 34000 TAIPING, PERAK	Penjamin 2	: K RAJINTHRAH A/L P KRISHNAN - 64101310**** LOT 73 TAMAN MELLENNIUM, JALAN TINOSAN BATU 4, 90000 SANDAKAN, SABAH
No Akaun Peminjam	: 2567 : SUNDARESAN A/L SATHASIVAM - 71122807**** 24 LORONG REMIA 4, TAMAN REMIA, CHEROK TOK KUN ATAS 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 2602 : CHOO ANNE ANNE - 72012110**** A16-09 BLOCK A, USJ ONE AVENUE CONDO, PERSIARAN SUBANG MEWAH USJ 1, 47600 SUBANG JAYA, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 2618 : LEE SEONG TATT - 72032207**** 16 LORONG DESA PALMA 3, TAMAN DESA PALMA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 2634 : OON CHIN WAH - 70042007**** RB 7-G-7 TAMAN TUNAS MUDA, PERSIARAN BAYAN 3, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1	: SATHASIVAM A/L KUDDAYAN - (MINGGAL DUNIA) 24 LORONG REMIA 4, TAMAN REMIA, CHEROK TOK KUN ATAS 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: CHUA AH POW - 42062608**** A16-09 BLOK A, USJ ONE AVENUE CONDO, PERSIARAN SUBANG MEWAH, USJ 1, 47610 SUBANG JAYA, SELANGOR	Penjamin 1	: LEE GUAT BEE - 62111407**** D 234 LORONG 16, TAMAN SEJATI INDAH 08000 SUNGAI PETALAN,KEDAH	Penjamin 1	: SIM GYA LEE - 44092107**** 15 EVERGREEN ROAD, FETTES PARK, TANJONG BUNGAH 11200 PULAU PINANG
Penjamin 2	: INDRANEE A/P MUNIANDY 1160 KAMPUNG BARU, JALAN KULIM 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: ANG ENG THANG - 71042807**** 3-06 PANGSAPURI SRI MOLEK, JALAN LAKSAMANA, TELUK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: HO CHEOW BENG - 61042407**** NO. 21 LORONG SERI BERTAM 4, TAMAN SERI BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: DAVID KHEW - 70070907**** 11A-11-12A TAMAN TERUBONG JAYA 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 2757 : ABDUL RAHMAN BIN OTHMAN - 75050813**** 93A BLOK J MUKIM 12, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 2769 : RIZANI BINTI ISMAIL - 74100108**** NO. 20 LORONG TELUK AIR TAWAR 1, TAMAN TELUK AIR TAWAR INDAH 13050 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam	: 2793 : HAMZOL ASWAR BIN JUSOH - 74042702**** NO. 35, KAMPUNG RANTAU PANJANG 09800 SERDANG, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 2819 : M ELAKUMANAN A/L K MARIMUTHU - 72022107**** 4D-11-24 LORONG SEMARAK API 1, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1	: AMIR HAMZAH BIN OTHMAN - 64041407**** A-9-4 KONDOMINIUM MUTIARA, JALAN PERDA BARAT, BANDAR PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: HAZRI BIN ISMAIL 50 JALAN SRI DESA , KAMPUNG BESAR 13300 TASEK GELUGOR, SPU	Penjamin 1	: ROSIDI BIN HUSSIN - 64042808**** NO. 595 JALAN MUTIARA 5/3, TAMAN MUTIARA, SUNGAI KOB 09700 KARANGAN, KEDAH	Penjamin 1	: K MARIMUTHU - (MINGGAL DUNIA) 4D-11-24 LORONG SEMARAK API 1, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2	: MOHD AROP B HJ SENAWI - 52062907**** 22-E BLOK K, MUKIM 12, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11960 PULAU PINANG	Penjamin 2	: HAZRIN BIN ISMAIL - 71121207**** NO. 23 JALAN BP 5, TAMAN BAYU PERMAI 48000 RAWANG, SELANGOR	Penjamin 2	: DOLAH ALING BIN AHMAD - RF/T8*** 37 TAMAN BUNGA TANJUNG 09500 MAHANG, KULIM, KEDAH	Penjamin 2	: SARASWATHY A/P NARAYANASAMY - 53012307**** 4D-11-24 LORONG SEMARAK API 1, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 2899 : STEPHEN SUTHAKAR A/L AROKIASAMY - 69082302**** NO. 36 JALAN BERTAM INDAH 2, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 2915 : EIFFINDI TAN ABDULLAH - 59073107**** NO. 1639 JALAN 18/46, TAMAN SRI SERDANG 43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: MUZIR BIN AB MANAN - 61013005**** 38 JLN HARMONIUM INDAH 1, TAMAN HARMONIUM INDAH, KEPAYANG 70200 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN	No Akaun Peminjam	: ROSLI BIN SAADAN - 56061704****
Penjamin 1	: PAUL MOHAN A/L AROKIASAMY - 6405207**** C-02-05 APARTMENT SRI PINANG, TAMAN SRIPINANG, SUNGAI PUYU 13020 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: MUNIANDY A/L GOVINDASAMY - 66012402**** 5719 JALAN BAGAN LALANG, SUNGAI PUYU 13020 BUTTERWORTH	Penjamin 2			

Tarikan ukiran lima arca kayu, inisiatif pengindahan Batu Lancang berterusan

Teks dan Gambar : NORSHAHIDA YUSOFF

BATU LANCANG – Ukiran lima arca kayu bermotifkan kapal terbang kertas, wau, lastik, gasing dan *jigsaw puzzle* yang menghiasi Taman Ukiran Permainan Tradisional dekat Taman Poket Jalan Perak di sini 2 Ogos lalu.

Unik dan lebih menariknya arca-arca permainan nostalgia berkenaan diperbuat daripada pokok spesis *Pterocarpus Indicus* (Angsana) yang tumbang ketika kejadian banjir besar pada November 2017 dan disumbangkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata, motif ukiran kayu tersebut telah mendapat kerjasama dan komitmen daripada pengukir *Can Can Public Art* yang dilaksanakan melalui inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR).

“Selain motif-motif permainan berkaitan, taman ini juga turut diperindah dengan pokok teduhan dan renek seperti *Hibiscus Tiliaceus*, *Fagraea Fragrans*, *Vinca Rosea*, *Carmona Retusa*, *Protulaca Grandiflora* dan

Heliconia Dwarf.

“Kos pembinaan taman poket ini dibiayai oleh enam Ahli Majlis MBPP dengan nilai keseluruhan sebanyak RM23,000,” ujarnya pada Majlis Perasmian Taman Poket Jalan Perak di sini 2 Ogos lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong; Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer; Setiausaha Bandaraya MBPP, Dato’ Ir. Addnan Mohd. Razali dan enam Ahli Majlis yang menyumbang iaitu Harvinder Singh, Wong Yuee Harng, Gerald Mak Mun Keong, Shung Yin Ni, Tan Hooi Peng dan Theng Jie Wey.

Dalam pada itu, Ah Teong ketika berucap memberitahu bahawa inisiatif pengindahan seluruh kawasan Batu Lancang masih berterusan dalam usahanya memastikan kawasan itu lebih hijau dan menarik.

“Selain itu, ada lagi dua taman poket dalam perancangan yang akan dihiasi dengan arca kayu iaitu berhadapan Sekolah Kebangsaan Convent Greenlane dan Petronas Batu Lancang.

“Di Batu Lancang juga kita telah ada mural yang dilukis oleh juru lukis terkenal,



ONG Ah Teong (enam dari kiri), Ar. Yew Tung Seang (lapan dari kiri), R.S.N. Rayer (tujuh dari kiri), barisan jemputan dan barisan Ahli Majlis MBPP merakam gambar kenangan sejurus Majlis Perasmian Taman Poket Jalan Perak di sini baru-baru ini.

sebuah taman riadah yang sedang dinaik taraf berhadapan dengan Pasar Batu Lancang dan Taman Sakura.

“Taman Sakura ini terletak di Taman Khidmat yang mana sebanyak 70 batang

pokok sakura telah ditanam dan ia dijangka berbunga kira-kira dua hingga tiga tahun lagi.

“Terima kasih MBPP dan pihak-pihak berkaitan yang membantu mengindahkan kawasan Batu Lancang,” ujar beliau.

Trash Free Hill 2.0 sasar 900 sukarelawan

GEORGE TOWN – Buat tahun kedua berturut-turut, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PHC) bakal menganjurkan program *Trash Free Hill* pada 29 September ini.

Pengurus Besarnya, Dato' Cheok Lay Leng berkata bahawa pihaknya menyasarkan seramai 900 sukarelawan terdiri daripada pendaki berpengalaman bakal mengambil bahagian dalam acara tersebut.

“Acara ini bertujuan untuk melindungi dan memelihara kawasan Bukit Bendera serta meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap kepentingan menjaga kebersihan alam sekitar.

“Justeru, pendaki berpengalaman yang ingin turut serta dalam pengajuran menfokuskan kepada aktiviti membantu mengutip sampah di sepanjang laluan pendakian Bukit Bendera adalah amat dialukan,” katanya pada sidang media di sini pada 9 Ogos lalu.

“Pada tahun lepas, kira-kira 550 pendaki mengambil bahagian dengan melalui lapan laluan dan berjaya mengumpul kira-kira 500 kilogram (kg)

sampah seperti botol minuman, kertas, beg plastik dan sebagainya.

Turut hadir, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar Phee Boon Poh serta wakil-wakil penaja.

Dalam pada itu, Boon Poh memberitahu bahawa pengajuran program tersebut disokong sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

“Turut menjayakan acara ini adalah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Pusat Pengajian Kelestarian Global Universiti Sains Malaysia (USM) dan Persatuan Penduduk Bukit Bendera.

“Data-data yang dikumpul pada program ini akan digunakan oleh mahasiswa untuk membuat analisis berkaitan impak sosial dan kesan tingkah laku dalam menentukan jenis pembangunan diperlukan di negeri ini.

“Oleh itu, saya berharap agar orang ramai dapat menyertai acara ini,” serunya.

Bagi yang berminat boleh layari laman web, www.penanghill.gov.my/TFH2019.



POSTER pengajuran.



Keluarga sihat beri impak kepada pembangunan negara

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

Gambar : **ALVIE CHENG**

GEORGE TOWN – Program ‘JPWK Family Day’ anjuran Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) Seri Delima dan JPWK Air Putih disifatkan sebagai acara paling berjaya dianjurkan jawatankuasa berkenaan setakat ini.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berkata, program tersebut bukan sahaja dihadiri oleh golongan wanita, malah turut disertai golongan bapa yang menjadi tulang belakang dalam sesebuah keluarga.

“Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyedari bahawa pentingnya sesebuah keluarga yang sihat dalam memacu pembangunan, kemakmuran serta kestabilan negeri dan negara.

“Keluarga yang sihat dengan asas dan nilai yang baik serta memberikan impak positif kepada pembangunan negara dan begitu juga sebaliknya.



RAKAMAN gambar kenangan bersempena pengajuran JPWK Family Day di sini baru-baru ini.

Justeru, pengajuran program ini (JPWK Family Day) adalah khusus untuk memenuhi keperluan ibu bapa dan anak-anak sekaligus dapat mengukuhkan lagi hubungan antara keluarga,” katanya semasa merasmikan

program berkenaan di sini 4 Ogos lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid; Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh; Presiden JPWK Air Putih,

Vanessa Cheng; Presiden JPWK Seri Delima, Kristine Leong serta wakil-wakil penaja.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan untuk ibu bapa dan anak-anak seperti permainan, kuiz, persembahan tarian kanak-kanak dan banyak lagi.

Dalam pada itu, Syerleena yang turut berucap memberitahu bahawa program tersebut adalah selaras dengan Visi Penang2030 yang diperkenalkan Ketua Menteri iaitu untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri berfokuskan kekeluargaan dalam negeri hijau dan pintar.

“Hal ini kerana, kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak membesar dalam ikatan kekeluargaan yang kukuh adalah lebih cemerlang dalam bidang akademik, kurang masalah disiplin serta lebih kreatif dalam menyelesaikan masalah selain kurang tertekan.

“Oleh itu, sekiranya ibu bapa tidak mampu meluangkan masa bersama anak-anak sepanjang masa, maka waktu terluang bersama mereka haruslah dimanfaatkan dengan sepenuhnya,” serunya.

Pulau Pinang ke arah negeri mesra penyusuan susu ibu

AIR ITAM - Gabungan Dunia untuk Tindakan Penyusuan Ibu (WABA) bergerak aktif dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri mesra penyusuan susu ibu dalam tempoh lima tahun akan datang.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng memuji inisiatif pihak WABA menyatakan pihak-pihak berkepentingan khususnya dalam sektor penjagaan kesihatan, komuniti, tempat kerja dan penyelidikan.

“Pihak berkepentingan bekerjasama erat untuk memastikan hak penyusuan susu ibu dilindungi di seluruh negeri.

“Saya menyokong penuh inisiatif ini dan menyeru kepada seluruh masyarakat di Pulau Pinang supaya menjadi contoh dan memberi inspirasi kepada seluruh rakyat Malaysia,” katanya ketika merasmikan Program Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2019 anjuran jawatankuasa Making Penang Breastfeeding Friendly (MPBF) di sini pada 4 Ogos lalu.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim serta Pengarah Eksekutif WABA Dr. Amal Omer-Salim.

Mengulas lanjut, Chong Eng memberitahu bahawa pendekatan tersebut juga selaras dengan Visi Penang2030 yang turut memberi penekanan terhadap perkara berkaitan penyusuan susu ibu.

“Saya akan memberikan sokongan sepenuhnya kepada inisiatif MPBF yang bertujuan untuk melindungi, mempromosi



CHONG ENG (tengah) bersama-sama ahli jawatankuasa pengajuran semasa merasmikan Program Sambutan Minggu Penyusuan Susu Ibu Sedunia 2019 di sini baru-baru ini.

dan menyokong keluarga untuk menyediakan pemakanan bernutrisi kepada anak-anak,” tegasnya.

Dalam pada itu, Amal menyatakan bahawa penyusuan susu ibu merupakan salah satu pelaburan terbaik dalam menyelamatkan nyawa dan meningkatkan kesihatan, pembangunan sosial ekonomi individu serta negara.

“Malaysia telah menetapkan matlamat kepada 70 peratus penyusuan susu ibu eksklusif menjelang 2025.

“Walaupun kadar penyusuan eksklusif adalah tinggi di Pulau Pinang, tetapi kita perlu memastikan semua ibu tanpa mengira bangsa menerima sokongan yang diperlukan untuk memula serta mengekalkan penyusuan susu ibu.

“Inisiatif MPBF juga akan menyumbang kepada kemampunan Pulau Pinang dan seterusnya menjadi contoh kepada negeri-negeri lain di negara ini,” ujarnya.

Difahamkan, WABA adalah sebuah organisasi global berpusat di Pulau Pinang yang mengendalikan Minggu Menyusuan Susu Ibu Sedunia 2019 dengan tema - ‘Empower Parents, Enable Breastfeeding’.

Exco harap floorball diiktiraf dalam acara SUKMA

SEBERANG JAYA – Skuad Wanita Negeri muncul sebagai juara bagi Kejohanan Hoki Lantai Remaja Kebangsaan yang berlangsung selama empat hari sehingga 4 Ogos 2019 di sini.

Ketika berucap pada majlis perasmian penutup kejohanan itu, Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee berharap suatu hari nanti hoki lantai atau floorball turut dimasuk serta dipertandingkan sebagai acara rasmi dalam Sukan Malaysia (SUKMA).

“Sukan untuk semua bukan setakat bermaksud satu-satu sukan untuk semua serta sahaja, bahkan termasuk semua arena suka seperti tenis, bola sepak, bola tampar catur, sukan elektronik (e-sport) dan juga sukan baru hoki lantai (floorball).

“Dalam Sukan Malaysia (SUKMA), kita belum melihat lagi hoki lantai sebagai salah satu acara yang dipertandingkan.

“Bagaimanapun, kita berharap, suatu hari nanti hoki lantai juga ada menjadi acara yang dipertandingkan dalam SUKMA,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal pada pengajuran berkaitan.

Lip Chee dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada pihak persatuan-persatuan hoki lantai negeri dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor dan Selangor yang turut menghantar pasukan wanita serta lelaki pada kejohanan yang julung kalinya diadakan seumpama itu di negeri ini.

Difahamkan, floorball boleh dianggap masih baharu di negara ini, tetapi beberapa



SOON LIP CHEE (berdiri, kiri sekali) memerhatikan aksi ahli-ahli pasukan yang memenangi Kejohanan Hoki Lantai Remaja Kebangsaan di sini baru-baru ini.

negera telah memperkembangkan sukan tersebut secara meluas seperti Denmark, Finland, Kanada, Jerman, Republik Czech dan banyak lagi.

Secara ringkas, sukan floorball pada asalnya dimainkan oleh pemain hoki ais Sweden pada tahun 1970 ketika mereka sedang berehat daripada kejohanan tersebut.

Pasukan ais hoki mencipta permainan berkenaan bagi memastikan tahap kecergasan mereka dapat dikenalkan selain menjadi satu bentuk latihan persediaan sebagai menghadapi kejohanan pada musim seterusnya.

Sehingga tahun 2008, Persekutuan Floorball Antarabangsa (IFF) dan sukan floorball telah diiktiraf oleh Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC).

Bagaimanapun, difahamkan, sukan tersebut masih belum mendapat taraf pengiktirafan oleh Kementerian Belia & Sukan (KBS) sebagai acara dalam SUKMA.

Juara Kejohanan MSSM, Exco harap kekal prestasi 2020

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

CEMERLANG... Kontinjen Catur Pulau Pinang sekali lagi muncul sebagai juara keseluruhan Kejohanan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) dengan kutipan 373 mata di Putrajaya baru-baru ini.

Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berkata bahawa dengan memungut tujuh pingat emas, perak (3) dan gangsa (3) pada saingan tahun ini, diharapkan kontinjen negeri mampu mengekalkan pencapaian sebagai juara dalam kejohanan serupa bagi 2020.

"Ini merupakan suatu pencapaian yang amat cemerlang, dan saya yakin kontinjen Pulau Pinang akan menjadi juara keseluruhan bagi tahun 2020," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal dalam sidang media di sini 9 Ogos 2019.

Turut serta, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang merangkap ADUN Sungai Bakap, Dr. Amar Pritpal Abdullah; ADUN Jawi, Jason H'ng Mooi Lye; ADUN Sungai Aceh, Zulkifli Ibrahim dan Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Yazman Yahya.



AKSI Soon Lip Chee (duduk, kiri sekali) 'berentap' dalam perlawanan catur sejurus sidang media di sini baru-baru ini.

MAKLUMAN PEMBAYARAN SECARA PINDAHAN WANG/ EFT BAGI PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH

Sukacita dimaklumkan bahawa pembayaran bagi semua penerima terlibat telah selesai dilaksanakan pada 3 Jun 2019 melalui kaedah pindahan wang elektronik/Electronic Funds Transfer (EFT). Sila ambil maklum bahawa pembayaran ini hanya melibatkan para penerima di bawah daerah Seberang Perai Tengah yang telah memilih untuk menerima sumbangan melalui kaedah EFT (belum membuat tututan).

Untuk semakan status bayaran anda, sila layari laman web i-Sejahtera di [www.isejahtera.penang.gov.my](http://isejahtera.penang.gov.my) dengan memasukkan nombor kad pengenalan anda di ruangan yang disediakan.

Bagi penerima berstatus EFT tidak berjaya, sila kemaskini semula maklumat akaun anda dengan segera. Sekiranya tiada kemaskini dilakukan, pembayaran akan dilakukan melalui kaedah tunai pada fasa berikutnya (dalam tahun semasa). Daripada keseluruhan 1,780 orang penerima EFT, sebanyak 32 pembayaran direkodkan sebagai tidak berjaya.



BARISAN atlet, para jurulatih dan pihak-pihak berkaitan bergambar kenangan pada kejohanan MSSM di Putrajaya baru-baru ini.

SEMAKAN STATUS PEMBAYARAN BAGI PROGRAM i-SEJAHTERA

Pautan URL : <https://isejahtera.penang.gov.my>

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

BERUSIA 15 tahun, anak Malaysia bernama Amir Daniel Abdul Majeed menempa kejayaan tersendiri dalam dua kejohanan judo di peringkat antarabangsa.

Pelajar Penang Free School berkenaan mendapat satu pingat emas dan tiga gangsa, walaupun kali pertama menyertai *Macau Cadet & Junior Asian Cup 2019* dan *Hong Kong Cadet & Junior Asian Cup 2019*.

Dua atlet lagi, Goh Xuan Le, 20, turut menggondol pingat emas dan perak; sementara Tan Tze Ning, 16, membawa pulang satu gangsa.

Kepulangan Amir Daniel dan Xuan Le ke tanah air, di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang

Amir Daniel 'bintang' judo remaja Asia

(PIA) baru-baru ini disambut sendiri oleh Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee serta Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Bahang, Zolkifly Md. Lazim.

Hadir sama, Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Frederick Tan Teck An; Setiausaha Persekutuan Persatuan Judo Malaysia, Jhonny Khoo serta Naib Presidennya, Justin Khoo dan jurulatih, Md. Nashriq Md. Nassir.

Kepulangan Amir Daniel dan Xuan Le diiringi oleh jurulatih, Chew Li Ying dan pengadil, Ooi Way Loon kira-kira 12.30 pagi pada 16 Ogos 2019.

Sementara Tze Ning pula, difahamkan, pulang berasingan sehari kemudian.

Bercakap kepada pemberita, Lip Chee yang juga ADUN Bagan Jermal memberitahu bahawa kejayaan tiga atlet muda negeri tersebut adalah disebabkan sikap fokus, disiplin dalam latihan serta kegairahan dalam memburu kejuaraan.

Tambah beliau, mereka bertiga adalah antara enam pelatih judo yang mendapat peluang menimba pengalaman dan pembelajaran selama dua minggu di *Okayama Shoka University*, Jepun bermula pada akhir bulan Mei lepas.

"Mereka ikut jadual waktu harian mengikut apa yang perlu dilakukan, hasil latihan yang baik dicapai apabila seseorang atlet tidak mudah berputus asa."


"(Justeru,) kami (MSNPP) ingin menghantar mesej ini kepada atlet terpilih walaupun beberapa daripada mereka seakan tidak ambil serius.

"Manapun atlet pun mungkin akan gagal, tiada masalah, tapi jika mereka terus mencuba serta tidak putus asa, mereka akan mendapat pencapaian yang lebih membanggakan."

"Bagi pihak Kerajaan Negeri,



KETIBAAN Amir Daniel Abdul Majid (tujuh dari kiri) dan Goh Xuan Le (empat dari kiri) disambut oleh Soon Lip Chee (lima dari kiri), Zolkifly Md. Lazim (empat dari kanan) di PIA dekat sini baru-baru ini.



GAMBAR kenang-kenangan Amer Daniel Mohamed Majeed (tengah) bersama-sama ibu bapa beliau, Abdul Majeed Mohamed Hussain (kanan sekali) dan Yeoliana Yeoh Suat Khim.

saya memberi komitmen untuk memberi sokongan kepada mereka yang serius sepanjang jalan memburu kejuaraan ini.

"Sesungguhnya, Pulau Pinang telah ada 'bintang' seperti Datuk Nicol David dan Datuk Lee Chong Wei, maka, kami (MSNPP) juga mahu sukan-sukan yang lain turut membangun dengan melahirkan lebih ramai 'bintang' dan juara," jelasnya.

Dalam pada itu, Teck An pula menasihatkan para atlet negeri supaya memanfaatkan peluang yang ada atau kesempatan itu kelak.

"Atlet-atlet judo berkenaan telah menunjukkan bakat serta pengorbanan mereka untuk Pulau Pinang, masih jauh lagi perjalanan mereka, jika mereka mampu mengekalkan prestasi sebagai juara, podium akan tetap menjadi milik mereka," ujarnya.

Lip Chee dan Teck An turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat, termasuk waris kepada ketiga-tiga atlet berkenaan.

Amir Daniel yang ditemui kemudian berkata, kedua-

dua kejohanan antarabangsa yang disertai beliau itu adalah permulaan, dan akan 'pergi' jika tidak fokus dalam sesi latihan kelak.

"Saya begitu gemuruh juga pada mulanya untuk menyertai kejohanan tersebut, tapi, selepas bercakap dengan jurulatih, mula saya berasa lebih tenang, selesa dan bersemangat."

"Kemudian, selepas memenangi pelawangan pertama, saya bertambah yakin pada diri, fokus serta sedar tujuan utama kejohanan tersebut," katanya yang mempunyai ketinggian 174 sentimeter (sm).

Difahamkan, Amir Daniel merangkul pingat emas bagi Kategori Bawah 73 kilogram (kg) Kadet (15 - 18 tahun) di Macau, Hong Kong, selepas menewaskan Lai Ka Hang dari negara tuan rumah pada pusingan pertama.

Suku akhir, Amir Daniel menewaskan Serikbol Yestay dari Kazakhstan; Eisa Al-Thumairi (Arab Saudi) dalam pusingan separuh akhir dan Tilegen Tynarbay (Kazakhstan) pada perlawanan akhir.

Li Ying memberitahu anak didiknya, Amir Daniel sangat pintar dalam menundukkan pesaing pada pusingan akhir, mengasak lawan dalam posisi menyerang, hatta mengakibatkan Tynarbay tewas dengan rekod tiga penalti.

"Amir telah dilatih sejak berusia lima tahun oleh (Md.) Nashriq, beliau juga pernah bertanding dalam kejohanan remaja (Bawah 21 Tahun) kerana mahu menimba pengalaman di gelanggang itu.

"Sebagai jurulatih, saya menurutinya dan membuktikan sesuatu dalam kejohanan baru-baru ini," jelasnya.

Mengulas lanjut, menurut Li Ying, Amir Daniel akan mengurangkan masa latihan untuk menyertai satu kejohanan remaja kebangsaan di Terengganu pada September ini, memandangkan beliau akan menduduki Peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3).

Ibu bapa Amir Daniel, Abdul Majeed Mohamed Hussain dan Yeoliana Yeoh Suat Khim antara yang dilihat gembira ketika menyambut 'bintang' baharu negeri berkenaan.

Bagi Xuan Le pula, beliau menyatakan bahawa kejayaan memenangi pingat perak dalam kejohanan *Macau Junior Asian Cup 2019* selepas menewaskan

pesaing dari negara tuan rumah. Xuan Le tewas kepada atlet Korea Selatan, Jang Segun.

Pun begitu, Xuan Le bangkit serta berjaya memburu pingat emas dalam kejohanan seterusnya di Hong Kong.

Pada pusingan suku akhir, beliau menewaskan Ting Chang dari Taiwan; Myagmarjav Vanchigdorj dari Mongolia (separuh akhir) dan Steffi Burra dari New Zealand (perlawanan akhir).

Di sebalik kejayaan Xuan Le, Li Ying menyatakan bahawa anak didiknya itu acapkali menonton rakaman video perlawanan para pesaingnya demi mengenal pasti kekuatan serta kelemahan mereka di gelanggang, selain membuat persiapan diri.

Wilson Goh, iaitu bapa kepada Xuan Le dalam nada bangga memberitahu bahawa beliau ada memberi sokongan moral serta kewangan untuk sesi latihan anaknya di *International Budo University* dekat Jepun pada tahun lepas.

"Tumpuan saya sekarang adalah memburu (pingat) emas dalam Sukan SEA, bersama-sama pasukan kebangsaan," kata Xuan Le sambil memberitahu saingen diajukan di Filipina pada bulan Disember tahun ini.



GOH XUAN LE (kanan) dan ayahnya, Wilson Goh.

Pusingan ‘U’ mudahkan pengguna, trafik lancar

Gambar : LAW SUUN TING

GEORGE TOWN – Pengguna jalan raya yang melalui Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu, Jalan Sungai Pinang dan Lebuh Sungai Pinang kini boleh menarik nafas lega ekoran pembukaan laluan pusingan ‘U’ kepada umum sejak 1 Ogos lalu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim berkata, kerja-kerja menaik taraf persimpangan di ketiga-tiga jalan berkenaan membolehkan pengguna dari arah Jambatan Pulau Pinang dan George Town membuat pusingan ‘U’ dengan lebih lancar.

“Panjang laluan pusingan ‘U’ ini adalah kira-kira 400 meter (m) dengan kelebaran 4m manakala had laju ialah 35 kilometer sejam (km/j).

“Oleh itu, laluan ini hanya untuk kegunaan kenderaan ringan sahaja dan seluruh juga telah dipasang pada kedua-dua laluan pejalanan kaki di bawah jejabat demi keselamatan orang awam,” ujarnya pada sidang media di sini 5 Ogos lalu.

Hadir sama, ADUN Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen;



LALUAN pusingan ‘U’ berkaitan.



LIM Siew Khim (empat dari kiri), Daniel Gooi Zi Sen (dua dari kiri) dan Ahli-ahli Majlis MBPP pada sidang media di tapak dekat sini baru-baru ini.

Ahli-ahli Majlis bagi MBPP, Wong Yuee Harng dan Nicholas Theng serta Jurutera Kanan Lalulintas & Pengangkutan Awam MBPP, Zainuddin Mohamad Shariff.

Justeru, Siew Khim berharap agar aliran lalu lintas di persimpangan jalan-jalan terbabit dapat ditambah baik dari semasa ke semasa demi keselesaan pengguna jalan raya.

“Terima kasih diucapkan kepada Kerajaan Negeri dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) kerana menaik taraf persimpangan ini dengan pembinaan laluan khas untuk kemudahan para pengguna jalan raya,” jelasnya.

Dalam pada itu, Zi Sen turut merakamkan penghargaan kepada MBPP kerana berjaya menyiapkan projek tersebut lebih awal berbanding tempoh yang ditetapkan.

Pemilik iklan tanpa permit bakal hadapi risiko nombor telefon dipotong

GEORGE TOWN – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) memberi amaran keras kepada syarikat yang membuat papan iklan tanpa permit sah supaya menurunkannya dengan segera.

Ahli Majlis bagi MBPP, Wong Yuee Harng berkata, terdapat 450 sepanduk iklan haram oleh sebuah syarikat yang mula dikesan sejak 9 Ogos lalu di sekitar kawasan utama dekat sini dan Bayan Baru.

“Tindakan yang telah diambil selain menurunkan iklan tersebut adalah dengan menghantar sistem pesanan ringkas (SMS) kepada pemilik nombor dalam tempoh tiga hari untuk hadir ke pejabat Bahagian Perlesenan MBPP bagi memberi penjelasan.

“Justeru, jika masih tiada sebarang maklum balas ataupun tindakan susulan daripada pihak berkaitan, MBPP akan memaklumkan nombor (telefon) tersebut kepada pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi tindakan seterusnya iaitu untuk membuat pemotongan,” tegasnya sejurus operasi menurunkan gegantung iklan tanpa permit sah di sekitar kawasan pusat membeli-belah Gama di sini 21 Ogos lalu.

Hadir sama, rakan sepenjawatnya, Nicholas Theng dan Azahari Aris.

Dalam pada itu, menurut Yuee Harng, tindakan salah laku tersebut boleh dikenakan penguatkuasaan di bawah Undang-Undang Kecil (Iklan) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2000 (denda tidak lebih RM2,000 atau penjara setahun atau keduanya) dan Undang-Undang Kecil (Kebersihan dan Keselamatan Awam) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 1980 (denda tidak lebih RM1,000 atau penjara enam bulan atau keduanya).

“Namun begitu, kami (MBPP) sedia membantu pihak tersebut jika mereka memerlukan khidmat nasihat seperti permohonan permit sah bagi menjalankan perniagaan dengan cara yang betul.



WONG Yuee Harng (tiga dari kiri), barisan ahli-ahli majlis lain dan para penguatkuasa MBPP menunjukkan sepanduk tidak mengikut spesifikasi ditetapkan sejurus sidang media di sini baru-baru ini.

“Jika dilihat pada iklan yang digantung secara haram ini, penggantungannya tidak mengikut prosedur ditetapkan, malah boleh mengancam keselamatan orang awam,” jelasnya yang juga Pengerusi Gantian Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam MBPP.

Difahamkan, MBPP telah menurunkan sejumlah 17,330 iklan haram dari bulan Januari hingga 14 Ogos 2019.

Permainan Pendidikan Digital Hijau sasar generasi muda pulihara alam sekitar

SEBERANG JAYA

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mengambil inisiatif berkolaborasi membangunkan ‘Permainan Pendidikan Digital Hijau’ (*Digital Education Green Games*) sebagai salah satu alat bantu mengajar dalam menarik minat dan menyampaikan ilmu secara berkesan khasnya bagi generasi muda.



SR. Rozali Mohamud.

Yang di-Pertua, Dato’ Sr. Rozali Mohamud ketika berucap pada Majlis Pelancaran Pertandingan Permainan Hijau Digital Sekolah Piala Pusingan Datuk Bandar berkata bahawa MPSP bersama-sama dua rakan strategik, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) berkolaborasi membangunkan permainan berkaitan bagi memberi impak positif terhadap usaha pemuliharaan serta pemeliharaan alam sekitar.

“Inisiatif ini adalah sejajar dengan sasaran MPSP ke arah menjadi Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022.

“(Dan) saya berharap lebih banyak kolaborasi dapat dijalankan dengan pelbagai institusi pengajian tinggi (IPT) pada masa hadapan serta berharap institusi penyelidikan juga tampil bersama dalam menjayakannya,” ujarnya di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran bagi MPSP, Ir. Rosnani Mahmud; Ketua Projek Permainan Hijau Digital Sekolah dan Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif UPSI, Profesor Madya Dr. Che Zalina Zulkifli dan Ahli-ahli Majlis bagi MPSP.

Menurut Rozali, sebanyak 166 penyertaan diterima daripada sekolah-sekolah di Seberang Perai berhubung inisiatif berkaitan.

“Sempena penaiktarafan MPSP sebagai Bandaraya, pihak kami akan mengeluarkan sijil kepada peserta pertandingan bagi membolehkan mereka memperoleh markah tambahan untuk kemasukan ke IPT.

“Pertandingan ini menggunakan pakai konsep permainan berbentuk pengembaraan dan uji pengetahuan,” jelasnya lanjut.

Difahamkan, ‘Permainan Pendidikan Digital Hijau’ adalah membabitkan tiga jenis permainan elektronik iaitu pengkomposan (*Welcome 2 Compost*), perang terhadap sampah (*Rubbish War*) dan pencemaran lautan (*Ocean Zero Trash*).

Permainan tersebut boleh dimuat turun melalui www.geoplay.my dan mempunyai fleksibiliti imbasan melalui kod QR serta boleh dimainkan secara terus tanpa talian internet.

Tahap kebersihan premis meningkat, manfaat rakyat dan sektor pelancongan

KERAJAAN Negeri Pulau Pinang meletakkan sasaran untuk memastikan 70 peratus premis makanan di negeri ini mencapai tahap kebersihan Gred A menjelang tahun 2020.

Sasaran itu disuarakan Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo baru-baru ini.

Menurut beliau, pihak berkuasa tempatan (PBT), iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah diarah untuk meningkatkan pemantauan berkala serta penguatkuasaan terhadap semua premis makanan serta restoran di negeri ini.

Malah sejak 2017, selaras dengan laungan, ‘Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat’, usaha dalam memastikan premis makanan menyediakan makanan mencapai piawaian yang ditetapkan sudah dimulakan.

Selain itu, tindakan tegas turut diambil terhadap pengusaha dan pengendali premis makanan yang ingkar agar status keselamatan serta kebersihan makanan terjamin.

Jom ikuti tinjauan khas wartawan Buletin Mutiara, **SITI HUMAIRA MOHAMED YASIN** bagi mendapatkan pandangan umum mengenai saranan Kerajaan Negeri dalam memastikan premis-premis makanan di Pulau Pinang mencapai 70 peratus Gred A dan 30 peratus Gred B menjelang tahun 2020.



MOHD. NAKI @ RASHID MD. ALI.

Presiden Yayasan Muafakat, **MOHD. NAKI @ RASHID MD ALI** menyatakan bahawa usaha Kerajaan Negeri berkaitan sememangnya bagus, namun mengharapkan kerjasama yang baik daripada peniaga khasnya dalam mencapai sasaran tersebut.

Begitu juga agensi yang terlibat secara langsung dalam memastikan segala garis panduan dipatuhi terutamanya agensi-agensi utama berkaitan.

“Jika Kerajaan Negeri mensasarkan

tahap kebersihan premis Gred A, pihak kerajaan sepertutnya memberi bantuan sewajarnya supaya beban peniaga dapat dikurangkan.

“Seperti yang kita tahu, Jabatan Kesihatan memerlukan sijil mengendali makanan oleh semua premis, namun peniaga tidak tahu skop kebersihan yang sepertutnya dikehendaki jabatan tersebut.

“Malah, adalah dicadangkan bahawa pegawai Jabatan Kesihatan yang memantau di setiap premis harus ditetapkan dan bukan bertukar-tukar kerana ia akan lebih memudahkan sebarang urusan berbangkit,” responsnya ketika ditemui Buletin Mutiara di Pasar Awam Seberang Jaya baru-baru ini.



IZYAN ZULKIFLI.

IZYAN ZULKIFLI, 23, turut berkongsi pandangan mengenai sasaran yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri itu.

“Usaha ini sememangnya baik untuk dilaksanakan bagi meningkatkan lagi taraf kebersihan premis makanan di negeri kita sekaligus memastikan kesihatan para pelanggan terjamin.

“Para pelanggan tidak perlu lagi risau memikirkan tahap kebersihan premis makanan di Pulau Pinang apabila kedai makan negeri ini mencapai Gred A ataupun B.

“Seperti yang kita dapat lihat sebelum ini, terdapat kes yang melibatkan premis-premis tidak mencapai tahap kebersihan yang sepertutnya.

“Bagi pendapat saya, apabila premis-premis makanan di Pulau Pinang berjaya mencapai gred tersebut, warga negeri tidak perlu risau akan tahap kebersihan premis makanan di negeri ini,” ulasnya yang merupakan pekerja sambilan di Jabatan Hasil Pulau Pinang.

Seorang pekerja perkhidmatan pelanggan di salah sebuah syarikat swasta, **NURUL IZZAH MOHAMED YASIN**, 21, menyatakan usaha Kerajaan Negeri adalah sangat relevan ke arah mencapai Visi Penang2030.



NURUL IZZAH MOHAMED YASIN.

“Saya sebagai anak jati Pulau Mutiara, saya sangat bersetuju atas tindakan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

“Hal ini kerana saya gemar untuk menjamu selera di luar berbanding di rumah.

“Jika setiap premis di Pulau Pinang mencapai tahap kebersihan Gred A, orang ramai tidak akan risau untuk mencuba makanan di sini kerana Pulau Pinang terkenal sebagai syurga makanan di Asia.

“Dari aspek lain, pelancongan Pulau Pinang juga akan meningkat kerana negeri ini akan kelihatan lebih bersih dan cantik,” ujarnya yang sering mencuba kepelbagaiannya keenakan makanan di negeri ini.



NUR HANIM ISHAK.

Bagi **NUR HANIM ISHAK**, 23, beliau menzahirkan keyakinan bahawa pelaksanaan inisiatif tersebut akan menjadikan Pulau Pinang lebih bersih dan hijau.

“Usaha ini akan memastikan medan selera di negeri ini sentiasa dalam

keadaan bersih, hijau dan selamat.

“Dengan melaksanakan inisiatif ini, pemilik premis makanan akan sentiasa berusaha untuk memastikan kebersihan premis mereka lebih terjamin.

“Bukan hanya rakyat Pulau Pinang akan berasa selamat jika makan di premis yang mempunyai tahap kebersihan Gred A, malah pelancong luar juga turut berasa selamat dan bersih untuk menikmati makanan di negeri ini.

“Hal ini juga akan berjaya menarik lebih ramai lagi pelancong asing untuk berkunjung ke negeri Pulau Pinang,” katanya yang merupakan seorang pelajar di salah sebuah universiti tempatan di sini.

Turut memberikan maklum balas, **NUR ANISAH AZRIN MOHAMED HUSSAIN**, 22, yang bependirian bahawa ia wajar untuk dilaksanakan kerana makanan menjadi salah satu tarikan pelancong di Pulau Pinang.

“Pemilik premis makanan memainkan peranan penting kerana pelancong yang berkunjung ke sini akan menceritakan pengalaman mereka sepanjang melawat negeri yang mempunyai pelbagai keunikan ini.

“Jika tahap kebersihan premis tidak mencapai seperti apa yang disasarkan, sudah semestinya akan memberikan reputasi tidak baik terhadap negeri ini.

“Usaha ini juga penting untuk memastikan makanan yang disediakan mengikut piawaian yang ditetapkan oleh pihak berkenaan iaitu makanan haruslah bersih dan selamat untuk dimakan.

“Sekiranya masih terdapat tahap kebersihan Gred C, akan beroperasi seperti biasa walaupun kebersihan makanan kurang memuaskan serta keadaan ini akan memberi persepsi tidak baik kepada pelancong asing dan juga imej Pulau Pinang,” ulasnya yang merupakan seorang pekerja pelatih di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang.



NUR ANISAH AZRIN MOHAMED HUSSAIN.

Saliran longkang Kompleks Makanan Padang Brown dinaik taraf

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

GEORGE TOWN – Demi keselesaan peniaga dan pengunjung di Kompleks Makanan Padang Brown, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengambil tindakan jangka panjang dengan menaik taraf saliran longkang bawah tanah lokasi berkenaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng ketika mengumumkan projek berkenaan berkata bahawa langkah tersebut dilaksanakan hasil daripada aduan para peniaga di kawasan berkenaan.

“Penjaja ada mengadu kepada MBPP, saliran belakang ini kerap melimpah, jadi kami cari penyelesaian jangka panjang, dan MBPP putuskan untuk menggantikan saliran paip longkang sedia ada.

“Antara skop kerja terlibat adalah menggantikan paip 50 milimeter (mm) kepada 100 hingga 150mm, kerja-kerja pengorekan, perobohan, pembuangan paip sedia ada dan pembersihan.

“Kerja-kerja ubah suai ini hanya melibatkan gerai makanan tidak halal (di sebelah kiri) kompleks makanan ini sahaja,” ujarnya yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri ketika mengadakan lawatan ke kompleks berkenaan di sini 2 Ogos lalu.

Hadir sama, Ahli-ahli Majlis bagi MBPP, Gerald Mak Mun Keong dan Wong Yuee Harng.

Projek tersebut dijangka bakal mengambil masa selama tiga bulan untuk disiapkan dan dijangkakan bermula pada September 2019.

TEH Lai Heng (duduk) menunjukkan pelan projek berkaitan pada sidang media di sini baru-baru ini.



MPKK didedah latihan bantuan kecemasan

GEORGE TOWN – Seramai 62 ahli Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) membabitkan empat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Parlimen Bukit Bendera mengambil bahagian dalam pengajuran Program Latihan Kecemasan anjuran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di sini.

Program dengan kerjasama Pejabat KADUN Kebun Bunga, Persatuan Bulan Sabit Merah dan pasukan Bomba dan Penyelamat Pulau Pinang (Bomba) itu merangkumi sesi taklimat, simulasi *Cardio Pulmonary Resuscitation (CPR)* serta demonstrasi pemadam api.

Ahli Majlis bagi MBPP, P. R. Kaliyappan memberitahu bahawa program berkenaan dianjurkan khusus untuk anggota MPKK di kawasan Parlimen Bukit Bendera.

“Tujuan latihan ini adalah untuk memberi kesedaran, pengetahuan dan pengalaman kepada barisan MPKK untuk membantu rakyat semasa kecemasan.

“Sebagai Ahli Majlis, saya juga akan mendedahkan latihan

lain yang bermanfaat kepada pihak MPKK dari semasa ke semasa kerana mereka merupakan pemimpin akar umbi yang dapat membantu warga negeri pada waktu memerlukan,” ucapnya pada program berkenaan yang berlangsung dekat Balai Rakyat Padang Tembak di sini 28 Julai lalu.

Kaliyappan dalam pada itu turut merakamkan ucapan penghargaan kepada pihak-pihak berkaitan kerana memberi sokongan penuh dalam menjayakan program tersebut.



GAMBAR kenangan barisan jawatankuasa pengajur, para jemputan dan peserta yang mengambil bahagian dalam pengajuran Program Latihan Kecemasan di sini baru-baru ini.

Naik taraf parkir motosikal demi selesa dan keselamatan penduduk

AIR ITAM – Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM85,100 bagi menaik taraf tempat letak motosikal di Blok B Perumahan Awam Kampung Melayu dekat sini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Joseph Ng Soon Siang berkata bahawa penaiktarafan tersebut difikirkan perlu ekoran struktur bumbung kawasan parkir tersebut telah usang.

“Kami khawatir sekiranya berlaku ribut, mungkin harta-benda atau motosikal yang diparkir di sini akan menerima kesan tidak diingini.

“Malah, kita juga bernasib baik kerana kerja-kerja pembinaan telah dimulakan sebelum berlakunya Taufan Lekima kira-kira dua minggu sebelum ini,” katanya pada sidang media di lokasi berkaitan dekat sini 21 Ogos lalu.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Rohaizad Hamid serta Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Melayu.

Mengulas lanjut, Soon Siang memberitahu bahawa kerja-kerja naik taraf telah dimulakan sejak 16 Julai lalu dan dijangka siap pada 29 September ini.

“Antara skop-skop kerja terlibat termasuk merobohkan binaan asal, membina semula bumbung baru, kerja-kerja pendawai lampu dan mengecat cat garisan untuk motosikal.

“Kerja-kerja tambahan lain adalah membuat semula longkang di parkir, membersihkan kawasan semak dekat cerun berhampiran (parkir) dan menurap jalan,” jelasnya lanjut.

Selain itu, Soon Siang turut memaklumkan bahawa beliau akan menggunakan peruntukannya untuk membuat pagar serta melebarkan laluan masuk kereta di kawasan berkenaan memandangkan pernah berlakunya insiden kenderaan jatuh ke dalam longkang berhampiran jalan masuk selain perancangan untuk memasang kamera litar tertutup (CCTV) di dalam lif di Flat Kampung Melayu.



JOSEPH Ng Soon Siang (dua dari kanan) dan pihak-pihak berkaitan memantau kerja-kerja pembinaan struktur parkir motosikal sejurus sidang media di sini baru-baru ini.

Pasangan Kenduri Kahwin Perdana ditambah tahun depan

Oleh : **SITI HUMAIRA BINTI MOHAMED YASIN**
 Gambar : **NUR AMIRAH HUSNA ROSLAN**

JAWI - Lima pasangan berjaya disatukan dalam Majlis Kenduri Kahwin Perdana Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Jawi yang julung kali diadakan baru-baru ini.

Penganjuran tersebut merupakan inisiatif antara Pusat Khidmat KADUN Jawi bersama-sama Pusat Khidmat Parlimen Nibong Tebal.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Jason H'ng Mooi Lye berkata bahawa penganjuran program berkaitan menampilkan sedikit kelainan walaupun setiap tahun pelbagai program dianjurkan melibatkan komuniti setempat seperti

program Hari Keluarga dan Gotong Royong Perdana.

"Kini, boleh dikatakan kos perbelanjaan harian yang amat tinggi bagi setiap keluarga.

"Justeru, penganjuran program ini sedikit-sebanyak dapat membantu keluarga yang kurang berkemampuan khususnya golongan B40 untuk mengadakan majlis keraian sebegini," ucapnya semasa menghadiri program berkenaan yang diadakan di Masjid Daerah Jawi dekat sini pada 17 Ogos lalu.

Hadir sama, Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman; Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Yazman Yahya dan Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) SPS, Mohamad Fadzil Ahmad.

Turut serta, Pegawai Pejabat Agama



JASON H'ng Mooi Lye (barisan kedua, berkemeja putih), Mansor Othman (barisan kedua, bersongkok) merakam gambar kenangan bersama-sama pasangan pengantin pada Majlis Kenduri Kahwin Perdana di sini baru-baru ini.

Daerah SPS, Hasnan Che Ros dan Imam I Masjid Daerah Jawi, Mohd Sya'bani Awang.

Mengulas lanjut, Mooi Lye berhasrat membantu semua pihak tanpa mengira kaum di KADUN Jawi terutamanya berhubung usaha meringankan beban keluarga yang menghadapi masalah.

"Melihat kepada sambutan yang diberikan, tahun depan kita (Pejabat ADUN Jawi bersama-sama Pusat Khidmat Parlimen

Nibong Tebal) akan cuba tambahkan lagi jumlah pasangan untuk perkahwinan perdana ini.

"Saya mengucapkan tahniah kepada para pengantin... semoga ikatan yang baru dibina antara keluarga akan kekal bahagia selamanya," ujarnya.

Dalam pada itu, Mansor menzahirkan rasa gembira dan bersetuju dengan cadangan Mooi Lye berhubung pertambahan pasangan bagi penganjuran tahun hadapan.

Diliktiraf oleh:

- Gurney Paragon (Japan)
- 1st Avenue (Thailand)
- Gurney Plaza (China)
- Sunway Carnival Mall (Indonesia)
- Queensbay Mall (South Korea)

Disokong oleh:

- PETACH (Penang Economic Transformation and Cultural Heritage)
- Penang Global Tourism
- PENANG 2030
- Experience PENANG 2020 The Heart of Asia

Rakan Rasmii E-Wallet:

- >cake experiential communications
- Boost

Rakan Perjalanan Rasmii:

- KLOOK
- HYUNDAI
- GOLDEN CHEF GOLD OF ASIAN CUISINES

Rakan Kuliner Rasmii:

- GOOGLE



PALUAN kompong mengiringi pasangan pengantin.



Grundschule am Park



Sila isi butiran berikut.

Name : _____

No. My Kid/ Kad Pengenalan: -

Alamat: _____

- - - - -

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga:

No. Telefon : (Rumah) -

- Irama & Syarat Peroduan:

 1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **1 Ogos 2019** hingga **30 September 2019**.
 2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
 3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
 4. Peserta boleh menghantari seberapa banyak penyertaan.
 5. Hasil Lukisan akan menjadi hak penganjur.
 6. Keputusan pengadil adalah mutkamad.
 7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
 8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5526.
 9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
**Buletin Mutiara, Perpaduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.**

Bakat Si Cilik - Mewarna 2/2019